# ڤليتا بروني
# PELITA BRUNEI
*Membudayakan Masyarakat Bermaklumat*

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM


**MANISNYA IMAN** مانيسڽ ايمان

DARIPADA Tamiem Ad-Dariy RA bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda maksudnya: "Agama itu adalah nasihat". Kami bertanya : Untuk siapa? Baginda bersabda : "Untuk Allah, untuk kitabnya, untuk rasul-Nya, untuk para pemimpin kaum Muslimin, dan kaum Muslimin secara umum".
(Hadis riwayat Imam Muslim)

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.45 | SUBUH 4.55 | SYURUK 6.12 | DUHA 6.35 | ZUHUR 12.18 | ASAR 3.18 | MAGHRIB 6.22 | ISYAK 7.32

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit


TAHUN 70 BILANGAN 109 | 10 SEPTEMBER 2025 / 1447 ربيع الأول 17 | JABATAN PENERANGAN | EDISI RABU / PERCUMA


دولت كباوه دولي توان ڤاتيق
Daulat Kebawah Duli Tuan Patik
79 *Tahun*

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH InfoDeptBN
Pelita Brunei | pelitabrunei | pelitabrunei

# BERKENAN HANTAR TITAH PERUTUSAN TAHNIAH

**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Anutin Charnvirakul.**





**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 8 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Anutin Charnvirakul berikutan dengan pelantikannya sebagai Perdana Menteri Thailand yang baharu.

# NBD-Republik Sosialis Viet Nam tingkatkan hubungan perkongsian komprehensif

**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**

**GADONG**, Isnin, 8 September. - Kedutaan Republik Sosialis Viet Nam di Negara Brunei Darussalam (NBD) mengadakan Majlis Makan Malam bagi meraikan Hari Kebangsaan Republik Sosialis Viet Nam Ke-80 Tahun yang diadakan di Hotel Antarabangsa Rizqun, malam tadi.

Hadir selaku wakil Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad dan isteri, Datin Hajah Binanun binti Haji Bungsu.

Majlis dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan NBD dan Republik Sosialis Viet Nam, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Sosialis Viet Nam ke NBD, Tuan Yang Terutama Tran Anh Vu.

Tuan Yang Terutama dalam ucapannya menjelaskan Republik Sosialis Viet Nam sentiasa mengutamakan persahabatan dan kerjasama dengan NBD.

Kedua-dua negara kata TYT, telah menjalin hubungan diplomatik pada 1992 dan telah meningkatkan hubungan berkenaan kepada Perkongsian Komprehensif pada 2019 semasa Keberangkatan Negara Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke Republik Sosialis Viet Nam.

Sejajar dengan itu tambah TYT lagi, hubungan dua hala telah mencapai kemajuan yang ketara dalam pelbagai bidang.

>> Muka 3

# Mengukuhkan inisiatif pencegahan jenayah penipuan dalam talian

**Oleh : Nurdiyanah Rajami**

**GADONG**, Isnin, 8 September. – Bagi mempertingkatkan kesedaran orang ramai dan mengukuhkan inisiatif pencegahan jenayah penipuan dalam talian di Negara Brunei Darussalam (NBD), Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah mengadakan Sidang Media Khas di Dewan Auditorium Ibu Pejabat Polis, Jalan Tungku Link, di sini, petang tadi.

Dalam kenyataan di Sidang Media berkenaan, Timbalan Pesuruhjaya Polis, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Mohammed Saifullah bin Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris antara lain menegaskan bahawa peningkatan laporan kes penipuan dalam talian, khususnya 'Macau Scam', merupakan trend yang amat membimbangkan.

>> Muka 5

## Berita Utama



BERKONGSI amalan terbaik, inovasi dalam pencegahan, kawalan NCD
Muka 7



PSB anjur Mini Karnival Perpustakaan, Simposium
Muka 9



ORANG ramai berpeluang saksikan fenomena gerhana bulan
Muka 18



RENCANA
ITQSHHB terus mencipta sejarah melahirkan generasi huffaz cemerlang
Muka 20



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Titah Perutusan bersempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi, pada Khamis, 4 September 2025 di Istana Nurul Iman.**

# Contohi Rasulullah dalam mendidik anak-anak

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Bismillahir Rahmanir Rahim Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyarafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.**

**ALHAMDULILLAH**, beta merafakkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya jua, dapatlah kita meraikan lagi peristiwa agung kelahiran Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, bagi Tahun 1447 Hijrah.

Tema Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara bagi tahun ini ialah : 'Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Teladan Keluarga Sakinah, Mawaddah Warahmah' adalah merupakan satu pengajaran penting dalam memperkasa institusi kekeluargaan dan pendidikan rohani umat Islam. Keluarga yang dibangun berdasarkan keimanan, ketakwaan dan cinta kepada Allah Subhanahu Wata'ala akan membentuk kepada keluarga yang penuh dengan ketenangan, kasih sayang dan rahmat. Rasulullah sebagai suami, ayah dan ketua keluarga, telah mengajarkan bagaimana mewujudkan ketenangan, kasih sayang dan belas kasihan dalam rumah tangga.

Peranan Rasulullah adalah bermula selaku pendidik dan pembina keluarga. Baginda mengajarkan sifat ihsan atau kasih sayang, adil dan bertanggungjawab. Kita semua mempunyai tanggungjawab sebagaimana ianya berungkap dalam sebuah hadis Baginda riwayat Al-Bukhari dan Muslim bermaksud: "*Setiap daripada kamu adalah pemimpin dan setiap daripada kamu akan dipertanggungjawabkan terhadap yang dipimpinnya*".

Pada hemat beta, contoh ini yang perlu kita ikut untuk membina dan mendidik anak-anak menjadi insan yang berakhlak mulia dan jauh dari gejala-gejala buruk seperti buli yang sering kita dengar ketika ini.

Ingin beta tegaskan, perkara seperti ini jangan sampai berlaku di Brunei. Beta tidak mahu adanya di kalangan belia-belia, pelajar-pelajar dan kanak-kanak sekolah di bawah umur di negara ini yang terjerumus, terpengaruh atau terikut-ikut dengan sebarang gejala buruk dan salah laku. Ini bukan budaya Brunei, budaya kita bersumber dari ajaran Rasulullah yang lurus lagi sempurna.

Oleh itu, beta menyarankan kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Kementerian Pendidikan dan semua institusi-institusi pengajian awam dan swasta, supaya memperketatkan pemantauan serta meningkatkan pendidikan akhlak kepada para pelajar sejak dari peringkat rendah lagi hingga ke peringkat tinggi.

Alhamdulillah, beta mengambil maklum bahawa KHEU dengan usaha sama Kementerian Kesihatan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta Majlis AIDS Brunei Darussalam telah sama-sama berganding bahu untuk menganjurkan satu Program Perkhemahan Remaja Active and Admirable, Charismatic and Excellent (ACE) yang dinamakan 'Husnul Khuluqi' iaitu satu program remaja di negara ini menjadi muslim sejati melalui aktiviti yang berorientasikanTarbiyyah Islamiah.

Beta yakin, jika usaha untuk membentuk peribadi muslim seperti ini diserapkan dalam sistem pendidikan negara, maka gejala-gejala sosial di negara ini akan dapat dibendung dan terus terkawal. Selain itu, negara juga akan mudah melahirkan generasi muda, yang bukan sahaja berilmu dan berkemahiran, malahan juga berakhlak mulia.

Beta ingin menyeru semua lapisan masyarakat di Negara Brunei Darussalam (NBD) merenung kasih sayang Rasulullah yang tulus, kesabaran yang dimilikinya dan keadilan yang diperjuangkannya untuk sama-sama dicontohi dengan mendalam dan dipraktikkan dengan bersungguh-sungguh.

Untuk akhirnya, beta berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala mengurniakan keberkatan dan perlindungan kepada NBD yang kita cintai ini. Semoga kita semua dapat meneladani Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam setiap aspek kehidupan untuk mencapai kebahagiaan dan keberkatan dunia akhirat.

Sekian, *Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

## WAKTU SEMBAHYANG

| SEPTEMBER MASIHI | HARI | RABIULAWAL HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 10 | RABU | 17 | 4.45 | 4.55 | 6.12 | 6.35 | 12.18 | 3.18 | 6.22 | 7.32 |
| 11 | KHAMIS | 18 | 4.45 | 4.55 | 6.12 | 6.34 | 12.18 | 3.18 | 6.22 | 7.31 |
| 12 | JUMAAT | 19 | 4.45 | 4.55 | 6.12 | 6.34 | 12.18 | 3.19 | 6.21 | 7.31 |
| 13 | SABTU | 20 | 4.44 | 4.54 | 6.12 | 6.34 | 12.17 | 3.19 | 6.21 | 7.30 |
| 14 | AHAD | 21 | 4.44 | 4.54 | 6.11 | 6.34 | 12.17 | 3.19 | 6.20 | 7.30 |
| 15 | ISNIN | 22 | 4.44 | 4.54 | 6.11 | 6.33 | 12.17 | 3.20 | 6.20 | 7.29 |
| 16 | SELASA | 23 | 4.44 | 4.54 | 6.11 | 6.33 | 12.16 | 3.20 | 6.19 | 7.28 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | RABU | KHAMIS | JUMAAT |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 30 24 °C | 30 24 °C | 31 25 °C |
| Pekan Bangar | 30 24 °C | 30 24 °C | 31 25 °C |
| Pekan Tutong | 30 24 °C | 30 24 °C | 31 25 °C |
| Kuala Belait | 30 24 °C | 30 24 °C | 31 25 °C |

Wallahualam Bissawab www.met.gov.bn

Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG 10 SEPTEMBER 2025

### Tingkatkan pendidikan akhlak pelajar di semua peringkat

**PENGHAYATAN** terhadap akhlak Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam antara perkara yang disentuh dalam Titah Perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam baru-baru ini.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menjelaskan bahawa peranan Rasulullah adalah bermula selaku pendidik dan pembina keluarga.

Rasulullah mengajarkan sifat ihsan atau kasih sayang, adil dan bertanggungjawab. Kita semua mempunyai tanggungjawab sebagaimana ia berungkap dalam sebuah hadis Baginda riwayat Al-Bukhari dan Muslim bermaksud : "*Setiap daripada kamu adalah pemimpin dan setiap daripada kamu akan dipertanggungjawabkan terhadap yang dipimpinnya*".

Menurut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia contoh tersebut perlu diikut untuk membina dan mendidik anak-anak menjadi insan yang berakhlak mulia dan jauh daripada gejala-gejala buruk seperti buli yang sering didengar ketika ini.

Semasa bertitah, baginda menegaskan agar perkara seperti ini jangan sampai berlaku di Brunei dan tidak mahu adanya di kalangan belia-belia, pelajar-pelajar dan kanak-kanak sekolah di bawah umur di negara ini yang terjerumus, terpengaruh atau terikut-ikut dengan sebarang gejala buruk dan salah laku.

Titah Kebawah DYMM lagi, ini bukan budaya Brunei, budaya kita bersumber daripada ajaran Rasulullah yang lurus lagi sempurna.

Menerusi titah baginda tersebut amat jelas bahawa meneladani akhlak mulia Rasulullah sejak dari kecil merupakan tanggungjawab yang perlu dipikul oleh para ibu bapa dalam mendidik anak-anak dengan menyuburkan sifat ihsan, berkasih sayang, adil dan bertanggungjawab agar membina sebuah masyarakat Brunei yang berakhlak, bersatu dalam menolak budaya negatif seperti buli.

Baginda juga turut menyarankan agar Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Kementerian Pendidikan dan semua institusi-institusi pengajian awam dan swasta, supaya memperketatkan pemantauan serta meningkatkan pendidikan akhlak kepada para pelajar sejak dari peringkat rendah lagi hingga ke peringkat tinggi.

Di samping itu, semasa bertitah baginda juga mengambil maklum bahawa KHEU dengan usaha sama Kementerian Kesihatan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta Majlis AIDS Brunei Darussalam telah sama-sama berganding bahu untuk menganjurkan satu Program Perkhemahan Remaja Active and Admirable, Charismatic and Excellent (ACE) yang dinamakan 'Husnul Khuluqi' iaitu satu program remaja di negara ini menjadi Muslim sejati melalui aktiviti yang berorientasikan Tarbiyyah Islamiah.

Baginda juga yakin, usaha untuk membentuk peribadi Muslim seperti ini diserapkan dalam sistem pendidikan negara, maka gejala-gejala sosial di negara ini akan dapat dibendung dan terus terkawal. Selain itu, negara juga akan mudah melahirkan generasi muda, yang bukan sahaja berilmu dan berkemahiran, malahan juga berakhlak mulia.

Program Husnul Khuluqi yang mula diperkenalkan pada tahun 2022 tersebut adalah satu inisiatif yang dirangka bagi mengasah potensi diri para peserta serta memupuk keyakinan melalui pembangunan kemahiran sosial, komunikasi dan kepimpinan.

Di samping itu, program berkenaan turut menekankan kepentingan penjagaan kesihatan fizikal dan mental sebagai asas kepada kehidupan yang seimbang di mana melalui pelbagai aktiviti yang dirancang, para peserta juga diberikan pendedahan serta kemahiran hidup yang berguna bagi mempersiapkan diri dalam mendepani pelbagai cabaran kehidupan masa hadapan. – **Ketua Penyuntingan (Rd)**

**Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga**

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتربيتكن اوله جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله ڤرينت ڤلس سنديرين برحد، نڬارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# RAPTAI HAFLUT TAKHARRUJ MEMASTIKAN KELANCARAN MAJLIS



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir menyaksikan latihan penuh Majlis Haflut Takharruj Kali Ke-13 Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) bagi Tahun 1447 Hijrah bersamaan 2025 Masihi (atas).

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Mohammad Hasif Matzin**



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 9 September. – Majlis Haflut Takharruj Kali Ke-13 Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) bagi Tahun 1447 Hijrah bersamaan 2025 Masihi akan diadakan pada Rabu, 17 Rabiulawal 1447H bersamaan 10 September 2025M bertempat di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Majlis berkenaan diadakan bagi meraikan para graduan Program Diploma 'Aliyah Qira'at ITQSHHB bagi pengambilan ke-13, sesi 2022 hingga 2025 dengan penganugerahan Syahadah (sijil) Diploma 'Aliyah Qira'at.

Sehubungan dengan itu, pagi tadi diadakan latihan penuh bertujuan menyelaras perjalanan majlis serta memastikan setiap aspek berjalan dengan teratur dan lancar.

Hadir menyaksikan latihan penuh berkenaan, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, selaku Pengerusi Lembaga ITQSHHB.

Hadir sama, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, selaku Timbalan Pengerusi Lembaga ITQSHHB.

Turut hadir, Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar; dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim.

Juga hadir, pegawai-pegawai kanan KHEU, Ahli-ahli Jawatankuasa Akademik dan Peperiksaan Institut serta para pensyarah dan guru ITQSHHB.

Majlis Haflut Takharruj berkenaan bukan sahaja menjadi detik bersejarah buat para graduan, malah mencerminkan komitmen berterusan ITQSHHB dalam melahirkan generasi huffaz dan qari, qariah yang berilmu, berakhlak dan berbakti kepada agama, bangsa dan negara.

Semoga majlis yang penuh barakah berkenaan berjalan dengan lancar dan diberkati Allah Subhanahu Wata'ala serta menjadi pemangkin kepada kecemerlangan ilmu Al-Quran di negara ini.



**SUASANA pada latihan penuh berkenaan yang berlangsung di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas (kiri dan atas kanan).**




# NBD-Republik Sosialis Viet Nam tingkatkan hubungan perkongsian komprehensif



**YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan isteri hadir selaku wakil Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Makan Malam bagi meraikan Hari Kebangsaan Republik Sosialis Viet Nam Ke-80 Tahun yang diadakan di Hotel Antarabangsa Rizqun.**

**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**

>> Muka 1

TYT seterusnya menambah, pada 2023, semasa lawatan Perdana Menteri Republik Sosialis Viet Nam, TYT Pham Minh Chinh ke NBD, kedua-dua pihak telah meluluskan Pelan Tindakan bagi melaksanakan Perkongsian Komprehensif bagi tempoh 2023 hingga 2027, dengan memberi keutamaan kepada bidang-bidang seperti tenaga, industri halal, pelancongan, perdagangan dan pelaburan, pertahanan dan keselamatan serta pertukaran rakyat dengan rakyat.

Di samping itu, TYT juga mengongsikan sepanjang 2024 hingga 2025, sebanyak lima pertemuan antara Kebawah DYMM dan Pemimpin-pemimpin Republik Sosialis Viet Nam, yang menjadi bukti kukuh kepada kepercayaan, saling menghormati dan tekad para pemimpin kedua-dua negara untuk memperkukuh kerjasama dua hala dalam pelbagai bidang.

"Menjelang 2024, jumlah perdagangan dua hala telah melebihi USD670 juta, melepasi sasaran USD500 juta yang ditetapkan untuk 2025. NBD kini merupakan pelabur ke-20 terbesar di Republik Sosialis Viet Nam, manakala semakin banyak syarikat dari Republik Sosialis Viet Nam turut memasuki pasaran NBD dalam bidang tenaga, perkhidmatan dan logistik, makanan halal serta perikanan.

"Berikutan pelengkap ekonomi yang kukuh, kedua-dua negara mempunyai potensi besar untuk mempertingkatkan kerjasama bagi memanfaatkan pemacu pertumbuhan baharu, termasuk ekonomi digital, inovasi serta pembangunan sains dan teknologi.

"Kerjasama dalam bidang pertahanan dan keselamatan juga telah dipertingkatkan secara ketara melalui pelbagai program dan pertukaran, termasuk lawatan diplomasi pertahanan terbaharu oleh kapal KDB Darulaman milik Tentera Laut Diraja Brunei ke Republik Sosialis Viet Nam dari 27 hingga 30 Ogos 2025," ujar TYT lagi.

Acara diteruskan dengan sesi memotong kek bersempena dengan Hari Kebangsaan Republik Sosialis Viet Nam Ke-80 Tahun yang disempurnakan oleh TYT dan Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan bersama isteri masing-masing. Turut hadir ialah pembesar-pembesar asing ke NBD.

# HIDUPKAN SUNNAH, TELADANI AKHLAK RASULULLAH



**MAJLIS Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi dihadiri oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi (kiri), manakala gambar kanan, ceramah disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Haji Awang Muhammad Najib bin Haji Awang.**

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Alishahrin Haji Mumin**




**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 8 September. - Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam merupakan ikon kepada ummah kerana keistimewaan dan kemuliaan Baginda yang terdapat di dalam Al-Quran.

Akhlak Baginda mendapat pujian yang tinggi di sisi Allah Subhanahu Wata'ala yang mana dalam firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Qalam, ayat 4, yang tafsirnya, "*Dan sesungguhnya engkau benar-benar mempunyai akhlak yang sangat mulia*".

Tanda kita mencintai Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam adalah dengan menghidupkan sunnahnya, meneladani akhlak Baginda dan memperbanyakkan selawat ke atas Junjungan Besar kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Demikian antara isi ceramah yang disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Haji Awang Muhammad Najib bin Haji Awang, bertajuk 'Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam Ikon Ummah' pada Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi bagi Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) dan jabatan-jabatan serta agensi-agensi pihak berkuasa di bawahnya.

Majlis diadakan di Dewan Amar Pahlawan, MTIC, petang tadi dan dihadiri oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Majlis dimulakan dengan bacaan surah Al-Fatihah oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Mohd. Amin bin Haji Salim.

Acara turut diserikan dengan persembahan Dikir Marhaban daripada Kumpulan Dikir Jabatan Perkhidmatan Pos dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

Majlis tersebut merupakan wadah bagi mengeratkan hubungan silaturahim antara sesama pegawai dan kakitangan di MTIC dan jabatan-jabatan serta agensi-agensi pihak berkuasa di bawahnya, di samping sama-sama memohon keberkatan serta keredaan Allah Subhanahu Wata'ala dan meningkatkan lagi rasa kecintaan kepada Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam MTIC bagi tahun ini telah dikelolakan oleh Jabatan Perkhidmatan Pos.

Turut hadir, Pemangku Setiausaha Tetap di MTIC, Awang Haji Mohammad Salihin bin Haji Aspar, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi), MTIC, Dayang Mazriyani binti Haji Abd. Ghani, ketua-ketua eksekutif, ketua-ketua jabatan dan bahagian, pegawa - pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan MTIC, jabatan-jabatan serta agensi-agensi pihak berkuasa di bawahnya.





**SEKITAR Majlis Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi (atas dan kanan).**

# Gerhana bulan bukti kebesaran, kekuasaan Allah



**YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama hadir sama menunaikan Sembahyang Sunat Gerhana Bulan.**

**Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 8 September. - Gerhana merupakan suatu kejadian yang memperlihatkan keagungan dan kebesaran Allah Subhanahu Wata'ala yang berlaku pada matahari dan bulan sebagai tanda atau bukti kekuasaan-Nya, sepertimana terjadinya siang dan malam.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menganjurkan umat Islam supaya melakukan perkara-perkara berkebajikan seperti bersembahyang, berdoa, berzikir, bersedekah dan beristighfar apabila berlakunya gerhana.

Perkara tersebut merupakan antara inti pati kandungan Khutbah Khas sempena fenomena gerhana bulan yang berlaku pada dinihari tadi.

Menurut khatib, apabila berlakunya gerhana, umat Islam seharusnya menjadikannya sebagai iktibar dan pengajaran untuk meningkatkan kesedaran diri agar sentiasa mengingati kebesaran dan kekuasaan Allah Subhanahu Wata'ala serta memohon ampun kepada-Nya dan bertaubat atas segala dosa yang telah dilakukan.

Berikutan fenomena tersebut, seluruh masjid, surau dan balai ibadat di Negara Brunei Darussalam mengadakan Sembahyang Sunat Gerhana Bulan pada awal pagi tadi.

Di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan, Sembahyang Sunat Gerhana Bulan Berjemaah telah diimamkan oleh Imam Tingkat I, Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Awang Mohamad Hasnal bin Haji Mohamad.

Manakala Penguasa Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Awang Zulkifli bin Haji Murat telah menyampaikan Khutbah Khas sempena gerhana tersebut.

Hadir sama ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Turut hadir Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar serta para pengarah, pegawai kanan dan kakitangan dari KHEU dan Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan serta penduduk-penduduk yang tinggal di sekitarnya.



**PENGUASA Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Awang Zulkifli bin Haji Murat telah menyampaikan Khutbah Khas sempena gerhana tersebut.**

# CONTOHI AKHLAK MULIA RASULULLAH



YANG Mulia Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi) hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Ceramah Khas sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi.




**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 9 September. - Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) serta jabatan-jabatan di dalamnya telah mengadakan Majlis Ceramah Khas sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1447 Hijrah bersamaan 2025 Masihi, bertempat di Dewan Teater, Bangunan MOFE.



SEBAHAGIAN yang hadir pada majlis tersebut yang diadakan di Dewan Teater, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE).

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid.

Turut hadir, Setiausaha Tetap, Pemangku Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan bahagian, pegawai dan kakitangan MOFE serta jabatan-jabatan di dalamnya.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan Ceramah Khas yang bertajuk 'Rasullullah Sallallahu Alaihi Wasallam Adalah Teladan Keluarga Sakinah, Mawaddah, Warahmah' yang disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Haji Awang Muhammad Najib bin Haji Awang.

Ceramah antara lain menekankan bahawa Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam adalah teladan terbaik bagi umat Islam.

Oleh itu, umat Islam diseru untuk berselawat, mentaati Baginda dan mencontohi akhlak mulia Baginda sebagai bukti cinta kita kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat dan Doa Peliharakan Sultan serta persembahan dikir.

Majlis berkenaan merupakan salah satu aktiviti keagamaan tahunan MOFE untuk menyemarakkan lagi Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, di samping bagi mengenang jasa Baginda dalam memperjuangkan syiar Islam sekali gus menyuntik rasa kecintaan kepada Junjungan Besar, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.



CERAMAH Khas disampaikan oleh Haji Awang Muhammad Najib bin Haji Awang.

Majlis pada tahun ini diselenggarakan oleh Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, MOFE.

# Mengukuhkan inisiatif pencegahan jenayah penipuan dalam talian

**Berita dan Foto :**
**Nurdiyanah Rajami**



TIMBALAN Pesuruhjaya Polis, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Mohammed Saifullah bin Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bersabda pada Sidang Media berkenaan.

>> Muka 1

Yang Amat Mulia turut menekankan modus operandi penjenayah yang menyamar sebagai pegawai bank dan pegawai polis bukan sahaja telah memperdayakan mangsa, sekali gus mengakibatkan kerugian kewangan yang besar.

Dalam pada itu, YAM turut berkongsi bahawa hasil siasatan terkini membawa kepada kejayaan menahan lima warga asing yang dipercayai terlibat dalam kegiatan berkenaan.

Sementara itu, Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Siber (BSJS), Snr. Supt. Hendrie bin Haji Amin, turut menyampaikan taklimat mengenai pelbagai jenis jenayah penipuan dalam talian, statistik kes yang dilaporkan, serta langkah-langkah pencegahan.

Snr. Supt. Hendrie turut menekankan kepentingan penggunaan Talian Bantu 16993, yang baharu sahaja dilancarkan pada 30 Ogos 2025, sebagai saluran utama bagi mendapatkan nasihat dan bantuan berkaitan jenayah siber.

Turut sama menyampaikan penerangan semasa Sidang Media tersebut ialah Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (CID), Awang Haji Azree bin Haji Abd Manaf. Sidang media berkenaan dihadiri oleh para pengamal media kerajaan dan swasta terdiri daripada wartawan, pengacara, penyiaran atau penyunting.

Terdahulu sebelum sidang media berkenaan, majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Timbalan Pesuruhjaya Polis, diikuti dengan taklimat kesedaran jenayah siber berjudul 'Protect Yourself In The Cyber World : Strategies To Avoid Online Scam' yang disampaikan oleh Snr. Supt. Hendrie.



ANTARA yang hadir menyampaikan penerangan pada sidang berkenaan.

Sidang Media diakhiri dengan sesi soal jawab bersama pihak media yang dikendalikan oleh Timbalan Pesuruhjaya Polis, Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah, dan Ketua BSJS, bagi memberikan penjelasan lebih lanjut mengenai trend dan isu-isu berkaitan jenayah penipuan dalam talian.

PPDB berharap agar orang ramai akan lebih peka, berwaspada dan tidak mudah terpedaya dengan taktik penipuan dalam talian. Kesedaran berkenaan bukan sahaja dapat mengelakkan kerugian kewangan individu, malah turut menyumbang ke arah memperkukuh keselamatan dan kestabilan ekonomi negara.

# FORUM MENGAMALKAN, MENGHAYATI AJARAN RASULULLAH

Oleh : Aimi Sani
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman




AHLI-ahli panel terdiri daripada tiga Pegawai Kanan Jabatan Mufti Kerajaan (atas), manakala gambar bawah, antara yang hadir pada majlis berkenaan.



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 9 September. - Dalam usaha Jabatan Mufti Kerajaan (JMK) menghidupkan Projek Memasyarakatkan Fatwa, satu Sesi Forum Irsyad Hukum telah diadakan bersempena dengan Sambutan Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Ruang Legar, Darulifta' Brunei Darussalam, JMK.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Timbalan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin Haji Mat Dain@Maidin.

Forum ini diadakan bagi meraikan dan menyemarakkan Sambutan Hari Memperingati Kelahiran Nabi Junjungan kita Sayyidina Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang merupakan salah satu hari-hari kebesaran Islam yang disambut di Negara Brunei Darussalam.

Antara tujuan utamanya adalah bagi memberikan maklumat yang jelas, lengkap dan tepat mengenai keperibadian Rasulullah dan mengajak masyarakat untuk mengamalkan dan menghayati ajaran-ajaran yang dibawa oleh Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam.

Rakaman Forum Irsyad Hukum ini juga akan disiarkan melalui Rangkaian Nur Islam, Radio Televisyen Brunei (RTB) di bawah Rancangan Irsyad Hukum sempena Sambutan Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1447H / 2025M.



TIMBALAN Mufti Kerajaan hadir selaku tetamu kehormat pada Forum Irsyad Hukum yang diadakan bersempena dengan Sambutan Maulidur Rasul Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Penolong Ketua Istinbat, Haji Awang Mohamad Raimi bin Awang Tengah dan disusuli dengan persembahan Selawat Tafrijiyyah daripada pegawai dan kakitangan JMK.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan sesi Forum Irsyad Hukum bertajuk 'Keadilan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam'.

Ahli-ahli panel terdiri daripada tiga Pegawai Kanan JMK iaitu Penolong Mufti (Ifta'), Dato' Seri Setia Dr. Haji Dennie bin Haji Abdullah; Pemangku Penolong Mufti (Buhuth), Dr. Haji Mas Reduan bin Haji Jumat dan Pegawai Istinbat Kanan, Dayang Hajah Noraini binti Haji Buntar dan dipengerusikan oleh Pegawai Buhuth, Awang Mohammad Hilmi bin Yakop.

Majlis Penyampaian Cenderahati kepada para panel forum telah disampaikan oleh tetamu kehormat dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat yang disampaikan oleh Penolong Ketua Istinbat, Haji Awang Mohamad Raimi.

# Menjana penyelidikan berimpak tinggi, melahirkan sumber tenaga manusia berilmu

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 9 September. - Datastream Digital Sdn. Bhd. (DST) dan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) hari ini menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) yang menandakan pencapaian penting dalam memformalkan kerjasama strategik kedua-dua pihak, bertempat di Mutiara Exchange, Lebuhraya Tungku Link.

Majlis Penandatanganan MoU berkenaan disaksikan oleh Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad, selaku tetamu kehormat majlis.

Turut hadir, Rektor UNISSA, Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal; Pengarah Urusan Agensi Pelaburan Brunei (BIA) dan Pengerusi DST, Awang Haji Sofian bin Mohammad Jani; serta Ketua Pegawai Eksekutif DST, Awang Radin Sufri bin Radin Basiuni.

Awang Radin Sufri dalam ucapan alu-aluannya menekankan bahawa kerjasama berkenaan mencerminkan komitmen bersama dalam menggabungkan kepakaran akademik dengan keupayaan digital untuk memacu inovasi, membimbing bakat dan membangunkan penyelesaian digital yang memberi impak kepada Negara Brunei Darussalam (NBD).

Beliau seterusnya menambah perkongsian strategik berkenaan bukan sahaja dibina atas sinergi, malah berasaskan visi bersama untuk menggabungkan kecemerlangan akademik dengan kepakaran teknologi.

Menurutnya lagi, UNISSA akan menyumbang melalui pembangunan kerangka serta menyediakan bakat, pakar dan kepakaran, manakala DST akan menumpukan kepada pendigitalan, platform digital serta membuka peluang pasaran.

Dengan kerjasama ini tambahnya, kedua-dua pihak yakin dapat memberi impak yang lebih besar dalam melahirkan bakat, mendorong inovasi dan mengukuhkan kedudukan NBD sebagai peneraju dalam ekonomi digital dan FinTech Islam.

Sementara itu, Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan dalam ucapannya turut menekankan bahawa majlis hari ini membuktikan komitmen dua entiti yang mempunyai harapan dan misi yang sama melalui MoU berkenaan, iaitu untuk menjana penyelidikan berimpak tinggi dan melahirkan sumber tenaga manusia yang berilmu dan berkemahiran tinggi yang akan menjadi pemangkin kepada pembangunan ummah dalam membina ekosistem mampan berteraskan Maqasid Syariah.

"MoU yang ditandatangani hari ini bukan sahaja akan membuka laluan kepada kolaborasi yang lebih erat dalam bidang penyelidikan, perkongsian kepakaran dan pembangunan teknologi digital yang inovatif berteraskan nilai Islam tetapi juga akan memberi manfaat kepada kualiti akademik, kecemerlangan penyelidikan, jaringan industri yang mampan dan yang lebih utama ialah impaknya kepada komuniti dan negara," ujarnya.




MAJLIS Penandatanganan MoU berkenaan disaksikan oleh Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan selaku tetamu kehormat majlis.

Kerjasama berkenaan juga katanya, akan meninjau peluang-peluang yang ada untuk meneroka pembinaan aplikasi inovatif berteraskan nilai-nilai Islam yang dapat memberi manfaat kepada ummah sejagat khususnya di rantau ini.

Menandatangani MoU bagi pihak DST ialah Awang Radin Sufri, manakala bagi pihak UNISSA ialah Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan, yang disaksikan oleh tetamu kehormat majlis.

Dengan adanya kerjasama berkenaan ia dapat mengukuhkan aspirasi NBD untuk menjadi peneraju serantau dalam ekonomi digital dan kewangan Islam, selaras menyokong wawasan jangka panjang negara ke arah masa depan yang mampan, inklusif dan dipacu inovasi.

# LEBIH 100 ORANG SERTAI PENCERAPAN GERHANA BULAN PENUH



PEMANGKU Pegawai Daerah Belait hadir selaku tetamu kehormat majlis. Juga hadir, Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Pemangku Penghulu Mukim Sukang dan Ketua Kampung Bukit Sawat serta Yang Berhormat Ahli MMN, Penghulu Mukim Bukit Sawat (atas), manakala gambar kanan dan bawah kanan, antara yang menyertai pencerapan berkenaan.





**Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Astronomi Negara Brunei Darussalam**

**BELAIT**, Isnin, 8 September. - Persatuan Astronomi Negara Brunei Darussalam (PABD), dengan kerjasama Majlis Perundingan Kampung dan Mukim Bukit Sawat, dan Jabatan Daerah Belait, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, menganjurkan acara pencerapan awam sempena Gerhana Bulan Penuh yang diadakan di Dewan Serbaguna, Kampung Sungai Mau, Daerah Belait.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Amirol Hafidzin bin Haji Muhammad.

Juga hadir semasa acara tersebut adalah Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah@Lim Swee Ann, Pemangku Penghulu Mukim Sukang dan Ketua Kampung Bukit Sawat serta Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Haji Md. Salleh bin Haji Othman, Penghulu Mukim Bukit Sawat.

Lebih 100 orang yang terdiri daripada peminat astronomi serta orang-orang kampung Mukim Bukit Sawat hadir bagi mengikuti pencerapan langit (*stargazing*) dan pemerhatian gerhana bulan dengan bantuan teleskop.

Sepanjang sebahagian besar tempoh pencerapan iaitu dari jam 11.30 malam sehingga 5.00 subuh, fenomena tersebut tidak kelihatan kerana telah terlindung oleh lapisan awan.

Gerhana bulan hanya mula dapat disaksikan pada awal pagi, selepas fasa gerhana penuh berakhir.

Acara tersebut juga memuatkan dua tajuk ceramah astronomi iaitu 'Sabit di kala Purnama' telah disampaikan oleh Setiausaha Agung PABD, Awang Hazarry bin Haji Ali Ahmad, dan 'Fenomena Gerhana dan Hikmahnya Menurut Pandangan Islam' oleh Ketua Imam Masjid Sungai Liang, Muhammad Zulhilmi Mohd. Jefri.

# Berkongsi amalan terbaik, inovasi dalam pencegahan, kawalan NCD

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Mohammad Hasif Matzin**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 8 September. - Pameran dan Persidangan Antarabangsa Penyakit Tidak Berjangkit (Non-Communicable Diseases-NCD) pertama di Negara Brunei Darussalam (NBD) merupakan persidangan antarabangsa yang julung-julung kalinya diungkayahkan oleh Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Jerudong Park Medical Centre (JPMC) dan Gleneagles JPMC (GJPMC).

Persidangan berkenaan akan berlangsung selama lima hari bermula 8 hingga 12 Oktober 2025, bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas.

Perkara berkenaan dijelaskan oleh Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif semasa berucap pada Sidang Media Pameran dan Persidangan Antarabangsa NCD yang berlangsung di Department of Policy and Planning Conference Room, Tingkat 2, Kementerian Kesihatan, di sini.

Dr. Hajah Rafidah seterusnya menjelaskan, persidangan berkenaan memainkan peranan penting dengan bertemakan 'Bridging Communities and Healthcare'.

Persidangan berkenaan katanya lagi, akan menghimpunkan pakar-pakar, pembuat dasar, penyelidik, profesional kesihatan, organisasi komuniti serta rakan-rakan antarabangsa.

Dr. Hajah Rafidah juga mengongsikan bahawa persidangan berkenaan adalah sebagai platform untuk berkongsi amalan terbaik dan inovasi dalam pencegahan dan kawalan NCD, memperkukuh kerjasama antara kerajaan, sektor swasta, dan masyarakat sivil serta melibatkan orang awam dan komuniti dengan memastikan respons kolektif yang inklusif dan mampan.

"Seperti yang diketahui ramai, Penyakit Tidak Berjangkit atau NCD kekal sebagai salah satu cabaran kesihatan yang paling mendesak pada masa kini. Penyakit seperti diabetes, kanser, penyakit kardiovaskular, dan penyakit pernafasan kronik merupakan penyebab utama kematian dan kesakitan, bukan sahaja di peringkat global mahupun juga di NBD.

"Penyakit-penyakit ini bukan sahaja menjejaskan kesihatan individu dan keluarga, tetapi juga memberikan beban yang besar kepada sistem penjagaan kesihatan negara dan ekonomi,"katanya lagi.

Di NBD tambah Dr. Hajah Rafidah, pelbagai usaha giat dijalankan bagi menangani kesan yang semakin meningkat akibat NCD melalui pelbagai strategi daripada promosi kesihatan dan pencegahan, pengurusan klinikal, inisiatif saringan, hinggalah kepada penggunaan kesihatan digital seperti BruHealth.

Namun katanya lagi, pihak kementerian telah menyedari bahawa usaha menangani NCD tidak boleh digalas oleh sektor kesihatan semata-mata, malah ia memerlukan pendekatan seluruh negara dan seluruh masyarakat.

"Pameran yang akan diadakan serentak juga akan mempamerkan penyelesaian praktikal, teknologi, dan inisiatif komuniti yang memberi kuasa kepada orang ramai untuk menjalani kehidupan yang lebih sihat dan mengurangkan risiko NCD," ujarnya lagi.

**PEMANGKU Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan semasa berucap pada Sidang Media Pameran dan Persidangan Antarabangsa Penyakit Tidak Berjangkit (Non-Communicable Diseases-NCD).**



Penyakit - penyakit Tidak Berjangkit (NCDs) yang juga dikenali sebagai penyakit gaya hidup (*lifestyle diseases*), sebahagian besarnya boleh dicegah, namun tetap menjadi penyebab utama kematian dan ketidakupayaan di seluruh dunia.

Pada 2021 sahaja, NCD telah meragut sekurang-kurangnya 43 juta nyawa di peringkat global. NBD turut berdepan cabaran serupa, yang mana NCD menyumbang kepada kira-kira 75 peratus daripada keseluruhan kematian di negara ini.

Lebih membimbangkan, lebih 70 peratus daripada kes berkenaan berpunca daripada faktor risiko yang boleh dielakkan seperti merokok, pemakanan tidak sihat, kurang aktiviti fizikal, obesiti, hipertensi dan diabetes.

Menyedari kepentingan segera dalam menangani isu kesihatan awam berkenaan, Pameran dan Persidangan Antarabangsa NCD yang bakal berlangsung akan menjadi satu platform untuk menggalakkan Whole of Nation Approach dalam mengekang NCD.

Pameran dan Persidangan Antarabangsa berkenaan akan merangkumi dua komponen utama, iaitu pameran bermula 8 hingga 12 Oktober 2025) berteraskan tema 'Edutainment'. Pameran berkenaan menggabungkan kandungan pendidikan dengan hiburan interaktif.

Para pengunjung akan berpeluang meneroka zon yang mengetengahkan konsep mengenai penuaan sihat, pemakanan, aktiviti fizikal, kesihatan digital dan pemerkasa komuniti menjadikan kesedaran kesihatan satu pengalaman yang menarik dan interaktif.

Manakala, Persidangan Saintifik pada 10 hingga 12 Oktober 2025 pula, iaitu satu program tiga hari yang menghimpunkan para profesional kesihatan, pakar-pakar industri dan ahli akademik dari seluruh rantau.

Persidangan berkenaan akan menampilkan ucaptama, perbincangan panel dan bengkel mengenai pelbagai topik berkaitan NCD, termasuk kesihatan mental, diabetes, kanser, strok, penyakit kardiovaskular, perubatan gaya hidup dan pemakanan sihat.

Beberapa penceramah antarabangsa juga akan turut serta dalam program berkenaan.

Selain itu, acara berkenaan akan menampilkan lebih daripada 80 buah reruai, yang menawarkan produk-produk pengguna, perkhidmatan, demonstrasi dan aktiviti interaktif, sekali gus mewujudkan peluang bagi pembelajaran berasaskan pengalaman dan penglibatan aktif untuk semua peringkat usia.

Persidangan dan Pameran Antarabangsa NCD dihasratkan untuk menggalakkan setiap pengunjung keluarga, komuniti dan para professional untuk mengambil langkah praktikal ke arah gaya hidup yang lebih sihat.

Pada masa yang sama, ia juga bertujuan untuk meletakkan NBD sebagai hab bagi persidangan perubatan dan pertukaran ilmu di rantau ini.

Turut hadir, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Kementerian Kesihatan, Pengiran Mohammad Khiruddin bin Pengiran Haji Yusoff; dan Pengerusi bersama Pameran dan Persidangan Antarabangsa NCD, Dr. Pengiran Hajah Siti Nur'ashikin binti Pengiran Dato Paduka Haji Tengah.

# UBD, IIUM METERAI KERJASAMA PELBAGAI BIDANG



**NAIB Canselor Universiti Brunei Darussalam bersama Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM), Profesor Emeritus Dato' Dr. Osman Bakar semasa menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dan disaksikan oleh Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Yang Berhormat Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abdul Kadir.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Brunei Darussalam**

**KUALA LUMPUR**, Isnin, 8 September. - Dalam langkah untuk mengeratkan hubungan akademik, Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM) secara rasmi menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) baru-baru ini.

Perjanjian tersebut, yang dirasmikan pada majlis yang diadakan di Institut Pemikiran dan Tamadun Islam Antarabangsa (ISTAC) di Kuala Lumpur, mewujudkan rangka kerja untuk kerjasama meluas, dalam beberapa bidang utama, termasuk pertukaran pelajar dan kakitangan, penyelidikan bersama, dan penerbitan akademik.

MoU itu ditandatangani oleh Naib Canselor UBD, Dr. Hazri Haji Kifle dan Rektor IIUM, Profesor Emeritus Dato' Dr. Osman Bakar. Majlis tersebut disaksikan oleh Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Yang Berhormat Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abdul Kadir bagi pihak Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim bersama pegawai kanan dan ahli akademik dari kedua-dua institusi.

Perkongsian baharu ini dijangka mewujudkan peluang baharu untuk pelajar dan penyelidik, memanfaatkan kekuatan unik kedua-dua universiti.

Majlis tersebut turut melancarkan buku baharu, 'Education of The Interior: Essays in Honour of Professor Syed Ali Ashraf'. Jilid itu disunting oleh Shaikh Abdul Mabud, seorang Profesor Madya di Pusat Pengajian Islam Sultan Omar 'Ali Saifuddien (SOASCIS), UBD.

Buku tersebut adalah sebagai penghormatan atas legasi Profesor Dr. Syed Ali Ashraf (1924-1998) sebagai pendidik dan cendekiawan perintis, pengkritik sastera, dan Pengarah Pengajian Islam pertama di Universiti Cambridge. Ia merupakan penghormatan bahasa Inggeris komprehensif pertama kepadanya, meneroka falsafah pendidikannya dan menampilkan refleksi daripada rakan, bekas pelajar dan sarjana yang dihormati di peringkat global.

Penyumbang terkenal termasuk Rektor IIUM, Profesor Dr. Osman Bakar dan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim, yang kata penutupnya menyerlahkan pengaruh berterusan Profesor Dr. Syed Ali Ashraf terhadap dunia Islam dan seterusnya.

Manakala kata pengantar ditulis oleh Profesor Dr. Seyyed Hossein Nasr, seorang profesor universiti pengajian Islam di Universiti George Washington. Karya kedalaman intelektual dan rohani ini dianggap sebagai tambahan yang tidak ternilai kepada pemikiran Islam kontemporari.

# FWC : Memperkukuh pemahaman kewangan, meluaskan keterangkuman komuniti




**MAJLIS pelancaran disempurnakan oleh Pengarah Urusan Brunei Darussalam Central Bank, Dayang Hajah Rashidah binti Haji Sabtu.**

**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**

**GADONG**, Isnin, 8 September. - Bank Baiduri hari ini meraikan satu pencapaian penting dalam usaha memperkasa komuniti dengan pelancaran rasmi Pusat Kesejahteraan Kewangan (Financial Wellness Centre - FWC), iaitu fasiliti pertama seumpamanya di Negara Brunei Darussalam (NBD) yang didedikasikan untuk memperkukuh literasi kewangan dan menyediakan bimbingan peribadi untuk individu di setiap peringkat kehidupan.

Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh Pengarah Urusan Brunei Darussalam Central Bank (BDCB), Dayang Hajah Rashidah binti Haji Sabtu selaku Pengerusi National Financial Literacy Council (NFLC) Pillar 3 serta dihadiri oleh Ahli-ahli NFLC, pegawai kanan kerajaan, rakan kongsi terhormat dan tetamu jemputan.

Ketua Pegawai Eksekutif Bank Baiduri, Ti Eng Hui dalam ucapan alu-aluannya antara lain menjelaskan pusat berkenaan diwujudkan berlandaskan satu kepercayaan asas, iaitu kesejahteraan kewangan wajar dapat diakses oleh semua, bersifat peribadi dan diasaskan kepada kepercayaan.

Ia katanya, direka bentuk sebagai sebuah hab utama tempat tumpuan di mana individu boleh mendapatkan panduan, mencapai kefahaman yang lebih jelas dan mengambil langkah - langkah praktikal ke arah pencapaian matlamat kewangan mereka.

"Sama ada seseorang itu sedang merancang bajet buat kali pertama, menabung untuk memiliki rumah, atau bersedia menghadapi persaraan, pusat ini menyediakan ruang yang sesuai untuk memulakan perbincangan mengenai kewangan dengan sokongan yang sentiasa tersedia dan mudah dicapai," ujarnya lagi.

Dalam dunia yang sentiasa berubah pantas hari ini, keputusan kewangan menjadi semakin kompleks dan bagi ramai orang, menakutkan. Sama ada menerima gaji pertama, merancang perkahwinan, membeli rumah pertama atau melabur, ramai individu sering tidak tahu dari mana hendak bermula.

FWC ditubuhkan untuk menangani cabaran berkenaan, lebih daripada sekadar fasiliti, ia melambangkan kepercayaan Bank Baiduri bahawa kesejahteraan kewangan adalah hak, bukan keistimewaan.

Dengan menyediakan persekitaran yang selamat, mesra dan dipercayai, pusat berkenaan menawarkan alat dan sokongan yang diperlukan oleh rakyat NBD untuk membuat keputusan kewangan dengan jelas dan yakin.

Tidak seperti cawangan bank tradisional atau kaunter nasihat, FWC direka dengan meletakkan manusia sebagai keutamaan. Pendekatannya adalah sangat peribadi, dengan perkhidmatan yang memberi tumpuan kepada pendidikan dan pemerkasa.

Pengunjung boleh menggunakan alat penilaian kendiri untuk memahami personaliti kewangan dan pelaburan mereka, serta mendapatkan sesi perundingan secara bersemuka dengan perancang kewangan yang menyediakan nasihat praktikal dan berasaskan matlamat. Pusat berkenaan juga akan menganjurkan bengkel dan menawarkan sumber maklumat untuk membimbing individu melalui peringkat kehidupan utama daripada menyimpan untuk pendidikan sehinggalah merancang persaraan.

Dengan gabungan sokongan peribadi dan alat praktikal berkenaan, Bank Baiduri berhasrat untuk membina keyakinan rakyat NBD dalam mengawal kesejahteraan kewangan mereka, tidak kira di peringkat mana mereka berada dalam kehidupan.

FWC juga mencerminkan komitmen luas Bank Baiduri dalam memajukan literasi kewangan sebagai sebahagian daripada agenda kebangsaan NBD. Inisiatif berkenaan selaras dengan visi NFLC 2025 hingga 2035, yang bertujuan untuk memperkukuh pemahaman kewangan dan meluaskan keterangkuman di seluruh negara.

Melalui sokongan berterusan kepada BDCB, Bank Baiduri telah terlibat secara aktif dalam program peringkat kebangsaan untuk memupuk kesedaran dan daya tahan kewangan.

Pelancaran FWC menonjolkan peranan Bank Baiduri sebagai institusi kewangan yang melangkaui produk dan transaksi. Dengan mempelopori pendidikan kewangan, menyediakan alat praktikal dan mewujudkan ruang untuk pembelajaran sepanjang hayat, bank berkenaan terus memposisikan kedudukannya sebagai peneraju dalam pemerkasa kewangan di NBD.

Menerusi inisiatif berkenaan, Bank Baiduri menegaskan keyakinannya bahawa pengetahuan kewangan adalah asas kepada pemerkasa dan komuniti yang celik kewangan adalah kunci untuk membina masa depan negara yang lebih mampan dan berdaya tahan.

Bagi masyarakat umum, FWC mewakili peluang baharu untuk mengambil langkah pertama ke arah keyakinan kewangan dan masa depan yang lebih terjamin. Orang ramai digalakkan untuk melawat FWC di Ibu Pejabat Bank Baiduri untuk meneroka fasiliti, mencuba alat interaktif dan berbincang secara langsung dengan perancang kewangan.

Pusat berkenaan terbuka kepada semua rakyat NBD, bukan sahaja pelanggan Bank Baiduri, tetapi ia adalah sebagai sebahagian daripada komitmen bank untuk menjadikan kesejahteraan kewangan dapat diakses oleh semua.

Pelanggan yang ingin mengetahui lebih lanjut tentang FWC boleh melayari *www.baiduri.com.bn/personal/banking/financial-wellness-centre*, untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai pusat berkenaan, akses kepada alat kewangan interaktif, dan borang tempahan untuk menjadualkan perundingan sama ada melalui telefon ataupun di pusat bank.



# PSB ANJUR MINI KARNIVAL PERPUSTAKAAN, SIMPOSIUM

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**



**TIMBALAN Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa hadir pada Program Mini Karnival Perpustakaan dan Simposium.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 9 September. - Pusat Sejarah Brunei (PSB) melalui Bahagian Perpustakaan dan Pembelajaran buat pertama kalinya menganjurkan Program Mini Karnival Perpustakaan dan Simposium dengan membawakan tema 'Melestarikan Khazanah Sejarah, Menjana Ilmu Masa Depan'.

Hadir menyempurnakan perasmian bertempat di Dewan Jawatan Dalam, PSB, di sini ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah.

Pemangku Timbalan Pengetua PSB, Awang Mohammad Faisal bin Haji Mat Salleh dalam ucapan alu-aluannya berkata bahawa Mini Karnival Perpustakaan yang berlangsung selama tiga hari iaitu dari 9 hingga 11 September 2025 ini merupakan satu usaha bermakna untuk menghargai serta mengangkat peranan perpustakaan sebagai pusat penyelidikan, penyimpanan khazanah warisan bangsa dan sumber ilmu yang sentiasa relevan untuk generasi kini dan akan datang.

Awang Mohammad Faisal berharap Mini Karnival Perpustakaan ini menjadi platform perkongsian ilmu dan amalan terbaik dalam bidang kepustakawanan, arkib, pengurusan maklumat serta pemeliharaan dokumen bersejarah.

"Sepanjang program, pembentangan akan diadakan selama dua hari berturut-turut dengan pengisian ilmiah daripada wakil institusi tempatan dan serantau.

"Sebagai sebahagian daripada pengisian karnival, Bengkel Pemeliharaan akan dijalankan pada 10 September, bertujuan memberikan pendedahan praktikal mengenai teknik penjagaan dan pemeliharaan bahan sejarah," jelasnya.

Selain itu, turut diadakan Pameran Buku yang mengetengahkan koleksi istimewa daripada pelbagai institusi yang mengambil bahagian, sekali gus memberi peluang kepada pengunjung mengenali khazanah ilmu dan sejarah negara dengan lebih dekat.

Sementara itu, Pengetua PSB, Dr. Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong dalam ucaptamanya menjelaskan tema 'Melestarikan Khazanah Sejarah, Menjana Ilmu Masa Depan' menyerlahkan amanah besar yang perlu kita laksanakan bersama dengan penuh tanggungjawab.

Menurutnya, khazanah sejarah bukan sekadar catatan masa lalu, tetapi merupakan asas identiti bangsa yang perlu dipelihara, diurus dan diperkembangkan untuk manfaat seluruh rakyat.

"Dalam konteks ini, PSB sebagai salah satu institusi penjaga warisan sejarah perlu terus berperanan aktif, bukan sahaja memelihara dokumen dan artifak tetapi juga menyesuaikan pengurusan ilmu dengan pendekatan moden yang berorientasikan masa depan.

"Melalui inisiatif digitalisasi, pemeliharaan konservasi, serta promosi sejarah, kita dapat memastikan khazanah bangsa ini kekal hidup dan relevan sepanjang zaman," katanya.

Perpustakaan pada hari ini katanya lagi, tidak lagi boleh dianggap sekadar sebagai gudang buku semata-mata, tetapi perlu dilihat sebagai pusat tamadun, ruang akademik dan wadah penting dalam pembentukan jati diri bangsa.

Tambahnya, sebagai pusat ilmu, perpustakaan berfungsi membimbing masyarakat untuk mengakses pengetahuan yang sahih, membina daya fikir kritis serta memperkukuh identiti kebangsaan berteraskan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB).

"Justeru, transformasi peranan perpustakaan menuntut pengurusan yang lebih dinamik, menggabungkan teknologi digital, penyelidikan ilmiah dan konservasi warisan. Melalui usaha ini, perpustakaan akan menjadi lebih terbuka kepada masyarakat, bersifat inklusif dan terus berfungsi sebagai jambatan antara tradisi ilmu masa lalu dengan aspirasi pembangunan bangsa pada masa hadapan," ujarnya lagi.

Dr. Haji Muhammad Hadi menambah, dengan adanya sokongan yang padu daripada pihak kerajaan dan seluruh lapisan masyarakat (Whole of Nation Approach), kita yakin bahawa khazanah sejarah Brunei akan terus dilestarikan dengan sebaiknya.

Usaha ini bukan sahaja memberi manfaat kepada generasi masa kini, malah akan menjadi hadiah berharga kepada generasi akan datang. Sokongan dasar kerajaan, tenaga pakar akademik, serta penglibatan masyarakat dalam aktiviti penyelidikan dan konservasi mampu memperkukuh keberlangsungan warisan bangsa.

Beliau berharap agar simposium tersebut menjadi titik tolak penting kepada pengukuhan peranan perpustakaan dan arkib sebagai pusat ilmu dan khazanah sejarah negara, selaras dengan salah satu matlamat Wawasan Brunei 2035 iaitu melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya.

Pelbagai pengisian menarik telah disusun sepanjang tiga hari antaranya Simposium Perpustakaan dan Pameran yang menghimpunkan pakar dan pengamal dalam bidang perpustakaan dan arkib, termasuk jemputan khas dari Arkib Negara Malaysia.

Selain itu, Bengkel Pemeliharaan akan memberikan latihan praktikal mengenai kaedah asas dan lanjutan dalam penjagaan bahan perpustakaan, manakala pameran koleksi dipamerkan manuskrip lama, peta, buku nadir dan bahan istimewa daripada pelbagai institusi ilmu. Tidak ketinggalan juga aktiviti interaktif dan reruai jualan buku bagi memperkaya pengalaman para pengunjung.

Dengan penganjuran karnival ini, adalah menjadi harapan pihak penganjur agar budaya membaca dapat diperkukuh, semangat cintakan ilmu semakin mekar dan kesedaran untuk memelihara khazanah warisan bangsa terus subur.

Mini Karnival Perpustakaan 2025 ini juga dihasrat menjadi langkah penting untuk memperkasa peranan perpustakaan di Negara Brunei Darussalam, menjadikannya pusat ilmu yang progresif, inklusif dan mampu menyokong aspirasi negara berasaskan pengetahuan.

# Tangani masalah obesiti, meningkatkan kesejahteraan pemakanan

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Alishahrin Haji Mumin**



**PEMANGKU Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, Pengiran Dr. Hajah Siti Nasibah binti Pengiran Haji Ismail ketika berucap.**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Selasa, 9 September. - Beban berganda malnutrisi kekal sebagai salah satu cabaran kesihatan global yang paling mendesak. Isu ini dicirikan oleh kewujudan serentak kekurangan zat makanan seperti bantut dan lebihan zat makanan, dalam bentuk berat badan berlebihan dan obesiti.

Di Negara Brunei Darussalam (NBD), kita juga sedang menghadapi cabaran berganda ini. Walaupun kadar obesiti adalah tinggi dalam kalangan orang dewasa dan remaja, masalah bantut masih menjejaskan kanak-kanak di bawah umur 5 tahun.

Pemangku Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, Pengiran Dr. Hajah Siti Nasibah binti Pengiran Haji Ismail seterusnya menyatakan bahawa kita sedia maklum bahawa obesiti merupakan penyumbang utama kepada penyakit tidak berjangkit dan kematian pramatang, sekali gus menekankan keperluan mendesak untuk tindakan pencegahan.

"Wabak obesiti yang semakin meningkat didorong oleh pertumbuhan ekonomi, urbanisasi, dan globalisasi, yang telah mengubah corak pemakanan dan gaya hidup dengan ketara dalam beberapa dekad kebelakangan ini. Apa yang paling membimbangkan ialah NBD kini mencatat kadar obesiti tertinggi dalam kalangan Negara-negara ASEAN.

"Pada Perhimpunan Kesihatan Sedunia Ke-75 pada tahun 2022, Negara-negara Anggota telah menyokong cadangan baharu untuk mempercepatkan usaha dalam membendung wabak obesiti," jelasnya semasa pembukaan rasmi Bengkel Pelan Strategik Maternal, Infant and Young Child Nutrition 2025 (MIYCN) 2025 - 2030 yang berlangsung di Dewan An-Naura, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB).

Sebagai sebahagian daripada inisiatif ini tambahnya, NBD kini merupakan antara negara perintis dalam Pelan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), Acceleration Plan to Stop Obesity.

Pelan ini menekankan kepentingan membentuk persekitaran pemakanan sihat sejak awal kehidupan, termasuk dalam melindungi, menggalakkan dan menyokong penyusuan susu ibu.

Bengkel anjuran Kementerian Kesihatan ini akan diadakan selama tiga hari bermula hari ini hingga 11 September 2025 bertujuan untuk mengukuhkan inisiatif negara dalam menangani masalah obesiti dan meningkatkan kesejahteraan pemakanan di seluruh negara.

NBD terus berdepan dengan peningkatan kadar obesiti dalam semua peringkat umur, dengan kadar prevalens tertinggi di Asia Tenggara ketika ini.

Obesiti dan Penyakit-penyakit Tidak Berjangkit (NCDs) yang berkaitan, seperti penyakit kardiovaskular dan diabetes, merupakan ancaman serius kepada kesihatan awam, kualiti hidup dan pembangunan sosioekonomi negara.

Obesiti dalam kalangan kanak-kanak khususnya memberi kesan jangka panjang, termasuk peningkatan risiko obesiti, kematian pramatang dan ketidakupayaan pada usia dewasa.

Menyedari peranan penting pemakanan ibu, anak damit dan kanak-kanak kecil dalam mencegah obesiti dan NCD, bengkel ini akan memberi tumpuan kepada pengukuhan dasar, program dan intervensi dalam 1,000 hari pertama kehidupan dari peringkat kehamilan hingga usia 2 tahun.

Kajian menunjukkan bahawa pemakanan ibu yang baik, penyusuan susu ibu secara eksklusif, dan amalan pemakanan pelengkap yang sesuai adalah kunci kepada kesihatan sepanjang hayat.



**ANTARA yang hadir pada majlis tersebut.**

Bengkel ini menghimpunkan Ahli Pasukan Petugas MIYCN 2025 - 2030 yang telah diwujudkan semula, yang akan berfungsi sebagai mekanisme penyelarasan kebangsaan bagi MIYCN.

Para peserta akan meneliti situasi semasa, mengenal pasti jurang dan peluang, serta menyelaraskan keutamaan negara dengan WHO Global Nutrition Targets dan WHO Acceleration Plan to Stop Obesity.

Antara hasil yang dijangka daripada bengkel ini adalah pemahaman bersama mengenai situasi semasa MIYCN di NBD; kesepakatan terhadap draf tindakan keutamaan, termasuk garis masa dan pihak berkepentingan yang bertanggungjawab; pengenalpastian indikator untuk mengukur pelaksanaan dan impak; dan pengukuhan rasa tanggungjawab serta komitmen dalam kalangan Ahli Pasukan Petugas MIYCN untuk melaksanakan, memantau dan menilai tindakan strategik.

Pelan Strategik MIYCN 2025 - 2030 akan menjadi pelan hala tuju bagi membimbing Kementerian Kesihatan dan rakan-rakannya dalam menangani cabaran pemakanan, dengan matlamat utama untuk meningkatkan kesihatan dan kesejahteraan ibu, anak damit dan kanak-kanak kecil serta menyumbang ke arah masa depan yang lebih sihat bagi NBD.

# Air Mandian Jenazah Bercampur Dengan Sabun




**KELUARAN PERTAMA**

**(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)**

**MEMANDIKAN** jenazah adalah salah satu fardhu kifayah yang wajib dilaksanakan apabila seseorang yang beragama Islam meninggal dunia. Perkara fardhu dalam memandikan jenazah ialah meratakan air ke seluruh badan jenazah sekurang-kurangnya satu kali selepas menghilangkan segala najis daripada badannya. Air yang diratakan itu disyaratkan air mutlak iaitu air yang suci lagi menyucikan. Apabila perbuatan meratakan air mutlak ke seluruh badan jenazah ini terlaksana, maka gugur tuntutan fardhu kifayah.

Meskipun meratakan air mutlak ke seluruh badan jenazah sebanyak satu kali sudah menggugurkan tuntutan fardhu kifayah memandikan jenazah, namun meratakan air mutlak itu sehingga tiga kali hukumnya adalah sunat. Selain itu, antara perkara sunat dalam memandikan jenazah juga ialah memandikannya menggunakan air yang dicampur dengan daun bidara. Dalam hadits daripada 'Abdullah bin 'Abbas *Radhiallahu 'anhuma*, Nabi *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda :

**Maksudnya** : *Kamu mandikanlah ia (jenazah) dengan air dan (dicampur dalamnya) daun bidara.*

(Hadits riwayat al-Bukhari)

Dalam keadaan daun bidara tidak didapati, maka boleh menggunakan sabun atau yang seumpamanya. Tujuan penggunaan daun bidara, sabun atau yang seumpamanya antaranya adalah untuk membersihkan badan jenazah. Pada kebiasaannya, waktu penggunaannya adalah sebelum meratakan air mutlak ke seluruh badan jenazah.

Dalam era moden ini, sabun lebih kerap digunakan ketika memandikan jenazah berbanding penggunaan daun bidara kerana sabun boleh didapati di mana-mana dan penggunaannya juga mudah dan ringkas. Sabun boleh didapati dalam bentuk sabun buku atau sabun cecair. Ia mempunyai bermacam-macam wangian ataupun ekstrak dan ada kalanya juga wangian atau ekstrak sabun itu diambil daripada daun bidara.

Oleh kerana sabun digunakan sebelum meratakan air mutlak ke seluruh badan jenazah, maka ada kalanya air mutlak yang diratakan itu bercampur dengan sabun yang masih tersisa pada badan jenazah, sama ada sisa sabun itu sebelumnya sudah diusahakan untuk dihilangkan atau ia memang disengajakan tidak dihilangkan. Persoalannya, jika percampuran ini terjadi, adakah air mutlak yang bercampur dengan sisa sabun tersebut memadai untuk menggugurkan tuntutan fardhu kifayah memandikan jenazah? Selain itu, terdapat segelintir orang memandikan jenazah menggunakan sabun terlebih dahulu, kemudian tanpa menghilangkan sisa-sisa sabun tersebut daripada badan jenazah, orang yang memandikan jenazah itu terus meratakan air mutlak yang dicampur dengan kapur barus ke seluruh badan jenazah. Adakah cara memandikan jenazah seperti ini sah menurut syara'?

Sebagaimana dijelaskan di atas, air yang digunakan untuk diratakan ke seluruh badan jenazah disyaratkan air mutlak, iaitu air yang suci lagi menyucikan. Ia adalah semua air yang turun dari langit atau yang keluar dari bumi, selagi ia kekal seperti asal penciptaannya, iaitu sama ada tidak berubah satu pun daripada tiga sifatnya iaitu warna, rasa dan bau, ataupun berubah sifatnya disebabkan sesuatu akan tetapi tidak menghilangkan sifat *thahuriyyah* (menyucikan)nya. Selain itu, ia juga hendaklah bukan air *musta'mal* atau dalam erti kata lain, hendaklah ia bukan air yang kurang dari dua *qullah* yang sudah digunakan untuk bersuci pada fardhu *thaharah*.

Ukuran tidak hilang sifat menyucikan daripada air mutlak itu ialah perubahan yang terjadi pada sifat air tidak menghalang air tersebut daripada dinamakan sebagai air mutlak. Ini bermakna, jika terjadi perubahan pada sifat air mutlak dan perubahan itu tidak menghalang air tersebut daripada dinamakan sebagai air mutlak, maka tidak hilang sifat menyucikan daripadanya. Manakala jika perubahan pada sifat air itu menghalang air tersebut daripada dinamakan sebagai air mutlak, maka hilang sifat menyucikan daripadanya.

Mengenai persoalan air mutlak yang diratakan ke seluruh badan jenazah bercampur dengan sabun yang masih tersisa pada badan jenazah sama ada sisa sabun itu sebelumnya sudah diusahakan untuk dihilangkan atau memang disengajakan tidak dihilangkan, ketetapan sama ada ia memadai ataupun tidak untuk menggugurkan tuntutan fardhu kifayah memandikan jenazah bergantung kepada perubahan sifat air mutlak itu, sama ada ia menghalang air mutlak tersebut daripada dinamakan sebagai air mutlak ataupun tidak.

Sekiranya percampuran air mutlak dengan sisa sabun pada badan jenazah itu menyebabkan sifat air berubah dengan banyak sehingga terhalang air tersebut daripada dinamakan sebagai air mutlak, maka hilanglah sifat menyucikan daripadanya. Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitabnya al-Majmu' berkata :

**Ertinya** : *Dan adapun sifat perubahan (pada air), jika (perubahan itu) perubahan yang banyak, (maka) ia menghilangkan (sifat menyucikan daripadanya) secara pasti.*

Air mutlak yang hilang sifat menyucikan daripadanya seperti air mutlak bercampur dengan sisa sabun sehingga menghalangnya daripada dinamakan sebagai air mutlak adalah tidak memadai untuk menggugurkan tuntutan fardhu kifayah memandikan jenazah.

Adapun jika percampuran air mutlak dengan sisa sabun pada badan jenazah itu menyebabkan perubahan yang sedikit sahaja pada sifat air dan perubahan itu tidak menghalang air tersebut daripada dinamakan sebagai air mutlak, sebagai contoh air mutlak yang becampur dengan sabun lalu air tersebut memutih sedikit akan tetapi ia masih dapat dinamakan sebagai air mutlak, maka tidak hilang sifat menyucikan daripadanya. Hal ini sebagaimana kata Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitabnya al-Majmu' :

Ertinya : *Dan jika (perubahan itu perubahan yang) sedikit, dengan jatuh di dalamnya (air) sedikit za'faran lalu (warna air itu berubah) menjadi kuning sedikit, atau (jatuh di dalam air itu) sabun atau tepung lalu (warna air itu) memutih sedikit sehingga (air itu) tidak disandarkan kepadanya (air sabun atau air tepung), maka ada dua pendapat. (Pendapat yang) shahih daripada keduanya, sesungguhnya ia (adalah) suci lagi menyucikan kerana kekal nama (air tersebut sebagai air mutlak).*

Dalam keadaan ini, air yang berubah sedikit akan tetapi tidak hilang sifat menyucikan daripadanya itu adalah memadai untuk menggugurkan tuntutan fardhu kifayah memandikan jenazah kerana ia masih dinamakan sebagai air mutlak.

**OLEH kerana sabun digunakan sebelum meratakan air mutlak ke seluruh badan jenazah, maka ada kalanya air mutlak yang diratakan itu bercampur dengan sabun yang masih tersisa pada badan jenazah, sama ada sisa sabun itu sebelumnya sudah diusahakan untuk dihilangkan atau ia memang disengajakan tidak dihilangkan. Persoalannya, jika percampuran ini terjadi, adakah air mutlak yang bercampur dengan sisa sabun tersebut memadai untuk menggugurkan tuntutan fardhu kifayah memandikan jenazah? Selain itu, terdapat segelintir orang memandikan jenazah menggunakan sabun terlebih dahulu, kemudian tanpa menghilangkan sisa-sisa sabun tersebut daripada badan jenazah, orang yang memandikan jenazah itu terus meratakan air mutlak yang dicampur dengan kapur barus ke seluruh badan jenazah. Adakah cara memandikan jenazah seperti ini sah menurut syara'?**




# Bekerja ikhlas raih keberkatan dan keredaan Allah

**ALLAH** Subhanahu Wata'ala mencipta manusia adalah untuk beribadah kepada-Nya, di samping diberi tanggungjawab dan amanah untuk melakukan pekerjaan untuk memakmurkan bumi ini mengikut acuan dan panduan yang telah ditetapkan. Dia tidak mendapat apa-apa faedah atau keuntungan daripada apa yang dilakukan oleh manusia melainkan semua amalan tersebut kembali untuk diri mereka sendiri. Firman Allah Subhanahu Wata'ala Surah Adz-Dzaariyat, ayat 56 - 58 yang terjemahan makna ayatnya :

*"Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan hanya untuk menyembah Aku. Aku sekali-kali tidak menghendaki rezeki daripada mereka dan Aku tidak menghendaki mereka memberi Aku makan. Sesungguhnya Allah, Dialah pemberi rezeki yang mempunyai kekuatan yang teguh".*

Justeru itu, Islam menggalakkan umatnya supaya bekerja dengan bersungguh-sungguh bagi meningkatkan kesejahteraan kualiti diri, keluarga, masyarakat dan negara. Malah Islam melarang serta memandang rendah kepada orang yang malas bekerja dan hanya bergantung nasib kepada pertolongan orang lain.

Sewajarnya kita menilai kerja-kerja yang telah kita lakukan selama ini. Adakah ia bertepatan dengan kehendak ajaran Islam dan dikira sebagai amal ibadah serta amal soleh di sisi Allah Subhanahu Wata'ala. Dan amat malang dan rugi sekali sekiranya apa yang kita lakukan selama ini tidak mendapat apa-apa ganjaran daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Segala pekerjaan baik yang dilakukan oleh manusia dengan hati yang ikhlas dan tidak bercanggah dengan prinsip ajaran Islam, ia adalah satu tuntutan dan dikira sebagai ibadah serta mendapat pahala.

Kerana itu, Islam sangat menitikberatkan unsur kecemerlangan dan kualiti dalam sesuatu pekerjaan. Pekerja yang cemerlang merupakan aset yang bernilai dan membawa imej yang baik kepada sesebuah organisasi.

Keikhlasan adalah antara ciri pekerja yang cemerlang di samping rajin, tekun, berdisiplin, amanah, sabar, penyayang, bertanggungjawab, dan dapat memberikan perkhidmatan yang memuaskan kepada pelanggan dan sebagainya. Mereka yang bersikap suka membuang masa, menyalahgunakan kuasa dan kedudukan, tidak menyimpan rahsia, pecah amanah, melakukan rasuah dan sebagainya adalah melambangkan sikap pekerja yang tidak berintegriti dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan.

Sekiranya sifat seumpama ini tidak dibendung, ia boleh diibaratkan sebagai duri dalam daging dan akhirnya akan merugikan majikan dan diri sendiri, bahkan anak-anak dan keluarga juga turut merasakannya.

Jadilah pekerja yang bertanggungjawab, ikhlas dalam bantu-membantu antara satu sama lain dalam erti kata bekerja sebagai satu pasukan dan bersaing dalam suasana yang dibenarkan oleh syarak.

Hindarilah sifat-sifat negatif seperti suka menyalahkan orang lain, dan beranggapan diri sahaja yang betul dalam semua keadaan, melakukan pembaziran dan berbual-bual kosong sesama rakan sekerja dan suka menonjolkan diri, berbanding sumbangan yang diberikan terlalu kecil.

Sekiranya seseorang itu mengabaikan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepadanya sedangkan ia menerima ganjaran (upah) seperti orang lain, ini bermakna ia mendapat sumber pendapatan dari kegiatan tidak halal dan sengaja mengundang kemurkaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Apa yang penting tujuan dan matlamat bagi setiap pekerjaan yang dipertanggungjawabkan hendaklah dilakukan dengan ikhlas semata-mata kerana Allah untuk meraih keberkatan dan keredaan daripada-Nya dalam setiap amalan dan pekerjaan yang kita lakukan seharian.

# MEMANTAPKAN PERJALANAN TRANSFORMASI DIGITAL NEGARA




**PEMANGKU Ketua Eksekutif di Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI), Dayang Julianah binti Ali Ahmad semasa menyaksikan Majlis Menandatangani Perjanjian berkenaan.**

**Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 9 September. - Imagine Sdn. Bhd. hari ini menandatangani dua mercu tanda perkongsian strategik bersama Toppan Ecquaria Pte. Ltd. dan Huawei Technologies (Brunei) Sdn. Bhd. bagi memantapkan lagi perjalanan transformasi digital Brunei.

Majlis Menandatangani Perjanjian itu berlangsung di Radisson Hotel dan disaksikan oleh Pemangku Ketua Eksekutif di Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI), Dayang Julianah binti Ali Ahmad.

Kerjasama ini menandakan langkah penting dalam evolusi berterusan Imagine daripada tradisional pembekal telekomunikasi menjadi TechCo yang dinamik, komited untuk menyampaikan inovatif platform dan perkhidmatan yang menyokong Wawasan Brunei 2035.

Melalui perkongsiannya dengan Toppan Ecquaria, Imagine akan mengukuhkan keupayaannya secara selamat *onboarding digital*, infrastruktur pembayaran dan perkhidmatan sektor tertentu yang meletakkan asas ekosistem digital yang lebih terhubung dan cekap.

Dalam masa yang sama, kerjasama dengan Huawei Brunei akan menumpukan kepada peningkatan infrastruktur rangkaian Imagine, kesediaan Cloud dan tawaran perkhidmatan digital terkini, membolehkan daya tahan teknologi yang lebih kukuh dan solusi masa hadapan terjamin bagi perusahaan dan pengguna.

"Perikatan ini merupakan langkah penting ke hadapan dalam perjalanan transformasi kami. Ia mencerminkan komitmen kami untuk meneruskan perkongsian yang meningkatkan keupayaan kami, menyokong matlamat negara, dan seiring dengan kemajuan digital global," kata Allen On pada majlis berkenaan selaku Pengarah Divisi Ekosistem Industri dan Perniagaan (IBE), atas kapasitinya sebagai Ahli Lembaga Pengarah dan Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Imagine.

Toppan Ecquaria, peneraju teknologi yang berpangkalan di Singapura dalam platform kerajaan digital pula membawakan kepakaran yang luas dalam menggunakan solusi berskala dan berpaksikan rakyat.

Huawei Brunei, sebuah syarikat global peneraju dalam penyelesaian ICT, akan membawa kekuatannya dalam ketersambungan, Cloud dan teknologi AI kepada memperkasakan fasa pertumbuhan seterusnya Imagine.

Menggambarkan kerjasama itu, Pengarah Urusan Toppan Ecquaria, Chong Ser Wah pada majlis berkenaan seterusnya berkata bahawa perkongsian ini bukan hanya mengenai teknologi, tetapi adalah mengenai membina masa depan di mana digital inovasi memacu pertumbuhan ekonomi, meningkatkan Perkhidmatan Awam dan meningkatkan kualiti hidup untuk rakyat Brunei.

Bertunjangkan pada tiga tonggak utama, tambahnya lagi, pemindahan teknologi, penciptaan bersama yang inovatif dan pembangunan bakat jelas sekali akan membantu memberikan solusi yang berskala dan mampan sambil memupuk tenaga kerja tempatan yang berkemahiran tinggi.

Melalui platform digital KAIZEN, jelas Chong Ser Wah lagi mereka komited untuk memperkasakan Imagine dan menyokong Wawasan Brunei 2035.



**PENGARAH Divisi Ekosistem Industri dan Perniagaan (IBE), atas kapasitinya sebagai Ahli Lembaga Pengarah dan Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Imagine ketika berucap.**

Bersama-sama, perkongsian ini menandakan permulaan visi yang lebih luas untuk membangunkan bersama inovasi digital yang memenuhi keperluan perusahaan dan sektor awam.

Acara itu juga mengiktiraf sumbangan daripada pasukan dalaman Imagine dan menegaskan semula fokus syarikat pada pelaksanaan yang bermatlamat dan penciptaan nilai jangka panjang. Turut hadir pada majlis tersebut ialah pegawai kerajaan, rakan niaga dan tetamu jemputan Imagine.



# MINDA PEMBACA

## Pembangunan ekonomi digital : Peluang dan cabaran

**EKONOMI** digital kini menjadi enjin utama dalam mempercepatkan pertumbuhan ekonomi global. Dengan kemunculan teknologi baharu seperti kecerdasan buatan, data raya, *blockchain* dan Internet of Things, struktur ekonomi dunia sedang berubah secara drastik. Pembangunan ekonomi digital memberi peluang besar kepada negara-negara membangun untuk bersaing di peringkat antarabangsa, termasuk dalam aspek perdagangan, inovasi, dan pembangunan modal insan.

Melalui platform e-Dagang dan sistem pembayaran digital, Perusahaan Kecil dan Sederhana mampu menembusi pasaran global dengan lebih mudah tanpa memerlukan kos operasi yang besar. Selain itu, transformasi digital juga membuka peluang pekerjaan baharu dalam bidang teknologi kewangan, pembangunan aplikasi, analisis data serta pemasaran digital, sekali gus mengurangkan pergantungan kepada sektor tradisional.

Walau bagaimanapun, setiap peluang datang bersama cabaran yang signifikan. Salah satu cabaran utama ialah jurang digital antara masyarakat bandar dan luar bandar. Tanpa akses internet berkelajuan tinggi dan kemudahan infrastruktur yang memadai, sebahagian masyarakat berisiko ketinggalan daripada arus pembangunan digital. Selain itu, isu keselamatan siber menjadi kebimbangan serius. Serangan penggodam, penipuan dalam talian, dan pencurian data boleh menjejaskan keyakinan masyarakat terhadap transaksi digital.

Cabaran lain termasuk tahap literasi digital yang tidak seimbang, di mana masih ramai yang kurang mahir menggunakan teknologi dengan berkesan. Dalam konteks perundangan pula, penggubalan dasar yang jelas mengenai perlindungan data peribadi dan keselamatan transaksi digital amat diperlukan bagi mengelakkan penyalahgunaan.

Secara tuntasnya, pembangunan ekonomi digital menjanjikan peluang besar untuk memperkukuh daya saing negara dan meningkatkan kesejahteraan masyarakat. Namun, kejayaan ini hanya dapat dicapai sekiranya kerajaan, sektor swasta, dan masyarakat bekerjasama dalam memperkukuh infrastruktur digital, meningkatkan literasi teknologi, dan melaksanakan dasar perlindungan yang efektif. Dengan pendekatan yang seimbang, ekonomi digital mampu menjadi pemangkin utama ke arah pembangunan mampan dan inklusif.

**Nama : Awang Muhammad Hasif bin Haji Awang**
**No. K/P : 01-085XXX**

## Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. **'Peranan Guru Dalam Membangunkan Modal Insan Berkualiti'.** Tarikh Tutup **: 10 September 2025**
2. **'Menjadi Pemimpin Muda : Cabaran dan Peluang'.** Tarikh Tutup **: 17 September 2025**
3. **'Akhlak Rasulullah: Cermin Diri Seorang Mukmin'.** Tarikh Tutup **: 24 September 2025**

**Terma dan Syarat :**

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300** patah perkataan.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**
**Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan**
**Lapangan Terbang Lama, Berakas**
**Bandar Seri Begawan, BB3510**
**Negara Brunei Darussalam.**
**atau melalui**
**E-mel : *pelita.brunei@information.gov.bn***

**Menangi BND75**
SETIAP MINGGU

**Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang**

# دعاء مموهن كڤد الله سڤاي ترسلامة درڤد بلاء دان سڬل جنيس ڤپاكيت

## DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ، وَٱلصَّلَاةُ وَٱلسَّلَامُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ أَجْمَعِينَ.

لَآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنْتَ سُبْحَٰنَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ ٱللَّهِ ٱلتَّآمَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِۦ شَيْءٌ فِي ٱلْأَرْضِ وَلَا فِي ٱلسَّمَآءِ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ ٱللَّهِ وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَّسُولُ ٱللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِٱللَّهِ.

بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ خَيْرِ ٱلْأَسْمَآءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ رَبِّ ٱلْأَرْضِ وَٱلسَّمَآءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِۦ دَآءٌ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱفْتَتَحْنَا وَبِٱللَّهِ ٱخْتَتَمْنَا وَعَلَى ٱللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَّا بِذِي ٱلْعِزَّةِ وَٱلْجَبَرُوتِ. وَٱعْتَصَمْنَا بِرَبِّ ٱلْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى ٱلْحَيِّ ٱلَّذِي لَا يَمُوتُ.

ٱللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُبِكَ مِنَ ٱلْبَرَصِ، وَٱلْجُنُونِ، وَٱلْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ ٱلْأَسْقَامِ.

ٱللَّهُمَّ ٱصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وِبِلَادِنَا وَجَمِيعِ ٱلْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ ٱلْبَلَآءَ وَٱلْوَبَآءَ وَٱلطَّعْنَ وَٱلطَّاعُونَ وَسَائِرَ ٱلْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ ٱلرَّدَىٰ بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى ٱللَّهُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ وَسَلَّمَ، وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ.

### TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Saya bershukor kapada Tuhan Rabbul-alamin yang melimpahkan rahmat-nya kapada kita, dan selawat serta salam kapada Junjongan kita Mohammad s.a.w., serta sahabat2-nya dan pejuang2 Islam hingga ka-akhir zaman.

Hari ini ia-lah hari pembukaan rasmi kursus Pegawai2 dan Guru2 Ugama sa-negeri Brunei bagi kali yang ke-empat. Saya bagi pehak pegawai2 dan Guru2 ugama sa-negeri Brunei menyembahkan dan melepaskan uchapan sa-tinggi2 terima kaseh kapada Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota yang dengan sukachita-nya merasmikan pembukaan kursus kali yang ke-empat ini, dan menyampaikan tauliah2 kapada Kadhi2 dan Pegawai2 masjid. Ini ada-lah satu sejarah bagi kursus pegawai2 dan guru2 ugama yang mana pembukaan-nya akan di-rasmikan oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota.

Sebagaimana yang di-ma'alomkan bahawa kursus ini di-adakan ia-lah bagi mengulang-kaji tugas2 dan pekerjaan pegawai2 dan guru2 ugama, di-samping menambahkan Ilmu Pengetahuan mereka untok lebeh pesat lagi menyebarkan ajaran Ugama Islam di-negeri ini.

Tanggong-jawab Pegawai2 dan Guru2 Ugama dalam bidang menyibarkan kesedaran berugama di-kalangan ra'ayat sekarang ini terlalu-lah berat, khas-nya di-masa negeri kita sedang membangun, dan sedang menuju kearah mutalamat yang di-chita2kan oleh sa-tiap manusia yang sedar, sesuai-lah dengan titah Duli Yang Maha Mulia bahawa Baginda ingin memberi peluang yang sa-luas2-nya kapada ra'ayat Baginda bagi mentadbirkan Negara ini.

Tanggong-jawab yang di-pikol oleh mereka itu tidak-lah sa-timpal dengan keadaan dan persediaan yang ada pada diri mereka, ini bukan-lah satu kesalahan kapada diri mereka sendiri, kerana bak kata pepatah *"Tiada rutan akar pun berguna"*. Tetapi bagi menjunjong titah dan menjunjong arahan yang di-berikan kapada mereka, maka mereka terpaksa-lah melipat-gandakan tenaga mereka bagi menyempornakan segala tugas2 yang mereka pikol itu.

Saya selaku Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama sangat-lah berbesar hati melihat usaha dan tenaga yang mereka churahkan kapada tanah ayer kita ini, khas-nya semangat berkurban yang tertanam di-jiwa mereka dengan tidak mengira penat dan lelah, dami untok menjunjong keridhaan Tohan, umpama-nya sa-tengah2 Masjid Kampong mengalami ketiadaan Imam, maka Guru2 Ugama bangun dan bertugas mengambil aleh tanggong-jawab itu dengan tidak mendapat apa2 bayaran. Semangat yang saperti ini-lah sangat membesarkan hati saya.

Dalam pada itu Jabatan Hal Ehwal Ugama tidak-lah berpuas hati dengan kemajuan dan perkembangan2 yang telah di-dapati salama ini, bahkan Pejabat ini sentiasa memikirkan dan menyusun ranchangan2 bagi memperhibat gerakan-nya untok menyebarkan kesedaran berugama di-kalangan ra'ayat, dan memberikan pengetahuan yang sadalam2-nya apabila masa dan keadaan mengizinkan.

Apa yang saya harapkan kapada Pegawai2 dan Guru2 Ugama yang ada dalam dewan ini, ia-lah supaya menyuborkan semangat berkurban yang ada di-jiwa Awang2 dan Dayang2 itu, dan buktikan-lah dengan amalan bahawa Ugama Islam ia-lah Ugama yang suchi, Ugama yang sentiasa menyuroh berbuat kebaikan, dan tanamkan-lah semangat bekerjasama, semangat chintakan ka-amanan dan ketenteraman di-kalangan ra'ayat, kerana dengan tidak ada keamanan, dengan tidak ada ketenteraman di-negara ini segala ranchangan yang di-atorkan oleh Kerajaan Duli Yang Maha Mulia tidak akan berhasil dengan baik, dan ini tentu-lah merugikan kita semua.

Akhir-nya sekali lagi saya menguchapkan setinggi2 ribuan terima kaseh kapada Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota yang sudi berangkat ka-majlis ini dan dengan sukachita-nya akan merasmikan pembukaan kursus ini, moga2 Tohan memberkati kursus pegawai2 dan Guru2 Ugama kali yang ke-empat ini — Amin.

# *Malam Aneka Warna P.M.K.T.*

KERIAM. — Persatuan Melayu Keriam Tutong telah mempersembahkan satu temasha Malam Aneka Warna bertempat di-Dewan persatuan itu pada malam 29 Ogos dengan memperolehi kejayaan.

Temasha Malam Aneka Warna itu telah di-adakan sa-bagai mengambil sempena temasha Perlumbaan Berjalan Kaki kali ke-2 yang telah di-adakan di-bawah anjoran Persatuan Melayu Keriam pada pagi hari tersebut.

Pancharagam Gema Senandong Orkest telah menghiborkan hati para penonton di-temasha Malam Aneka Warna itu.

# Ahli2 Majlis Mashuarat Daerah Belait Akan Membena Menara2 Jam Sa-Bagai Kenangan Perkahwinan Di-Raja

SERIA. — Sa-buah Menara Jam akan di-bena di-Kuala Belait dan sa-buah lagi Menara Jam itu akan di-bena di-Seria oleh Ahli2 Majlis Mashuarat Daerah Belait sa-bagai kenangan2 Ahli Majlis Mashuarat Daerah Belait bagi Perkahwinan Diraja.

Pembenaan Menara2 Jam tersebut akan memakan perbelanjaan kira2 $30,000 dan pekerjaan bagi membena menara2 itu akan di-jalankan tidak berapa lama lagi.

Perkara tersebut telah di-umomkan oleh Pengerusi Jawatan Kuasa Pembenaan Menara2 Jam itu, Awang Malai Haji Mashhor bin Malai Haji Abdul Hamid di-temasha Puspa Ragam yang telah di-persembahkan oleh Sri Arjuna Bangsawan di-Maktab Anthony Abell, Seria pada petang hari Ahad 22 Ogos, 1965.

Kutipan2 wang yang di-perolehi di-temasha itu telah di-dermakan oleh bangsawan tersebut kapada Tabong Derma Pembenaan Menara Jam yang terma'alom.

Yang Berhormat Chegu Pengiran Mohamed Yusof bin Pengiran Abu Bakar, selaku Setia Usaha Pembenaan Menara2 Jam itu dan Awang Malai Mashhor, dalam uchapan beliau2 itu, telah menguchapkan berbanyak2 terima kaseh kapada bangsawan itu yang telah bekerjasama untok membantu Ahli2 Majlis Mashuarat Daerah Belait menambahkan kutipan wang untok pembenaan Menara2 Jam tersebut.



Yang Dipertua Klab Rotary Brunei, Doktor J. S. Gould kelihatan menziarahi D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin sa-lepas beliau menyembahkan sa-buah Chenderamata bagi pehak Kelab Rotary Brunei kapada Pengantin Di-Raja. Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan ia-lah juga Penaong, Klab Rotary Brunei. Dalam gambar ini kelihatan sa-bilangan dari Pegawai2 Klab Rotary Brunei.



# ITQSHHB terus mencipta sejarah melahirkan generasi huffaz cemerlang

**Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland**
**Foto : Jabatan Penerangan**

INSTITUT Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) terus mencipta sejarahnya sendiri dalam melahirkan generasi huffaz yang bukan sahaja mahir dalam hafazan Al-Quran bahkan berdaya saing dalam pelbagai bidang keilmuan dan kepimpinan. Majlis gilang-gemilang Haflut Takharruj Kali Ke-13 akan berlangsung pada hari ini, Rabu, 17 Rabiulawal 1447 Hijrah bersamaan 10 September 2025 Masihi bertempat di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas.

Majlis ini bukan sekadar sebuah acara simbolik penganugerahan sijil bahkan menzahirkan iltizam negara dalam membina modal insan berteraskan ilmu, iman dan amal. Kejayaan ini turut mencerminkan keberkesanan usaha berterusan pihak institusi dalam mendidik para pelajar sehingga berjaya menamatkan pengajian dengan penuh kecemerlangan.

### Jumlah graduan

Pada tahun ini, seramai 27 orang pelajar akan diraikan, terdiri daripada 19 siswa dan lapan siswi. Mereka akan menerima sijil mengikut pencapaian masing-masing dalam empat kategori iaitu Cemerlang (Mumtaz), Kepujian / Sangat Baik (Jayyid Jiddan), Baik (Jayyid) dan Lulus (Maqbul).

Daripada jumlah tersebut, 10 pelajar berjaya meraih pangkat Mumtaz dengan menunjukkan tahap kecemerlangan yang membanggakan, sembilan pelajar meraih pangkat Jayyid Jiddan, dua pelajar meraih pangkat Jayyid dan enam pelajar meraih pangkat Maqbul. Kejayaan ini sekali gus menjadi pemangkin kepada generasi seterusnya untuk terus gigih menuntut ilmu serta menghafaz Al-Quran dengan penuh dedikasi.

### Acara sampingan

Seperti tahun-tahun sebelumnya, beberapa acara sampingan turut diadakan sebelum majlis berlangsung. Antaranya termasuklah Majlis Khatam Hafaz 30 Juzuk Al-Quran khusus untuk para graduan diikuti Majlis Doa Kesyukuran dan Anugerah Graduan Haflut Takharruj Ke-13 dan juga Munajat Khas yang akan diadakan pada Sabtu, 13 September 2025.

Acara-acara ini melambangkan kesyukuran atas anugerah ilmu yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala di samping mengeratkan ukhuwah sesama pelajar, pensyarah dan warga institusi. Ia juga mengingatkan bahawa pencapaian akademik tidak dapat dipisahkan daripada nilai rohani yang menjadi teras pendidikan Islam.

### Kelainan Haflut Takharruj tahun ini

Apa yang menjadikan Haflut Takharruj kali ini lebih istimewa ialah ia merupakan pengambilan terakhir bagi Program Diploma Kebangsaan (ND) dalam bidang Diploma 'Aliyah Qira'at (DAQ). Bermula tahun 2023, program tersebut telah dinaik taraf kepada Program Tertinggi Kebangsaan (HND) yang menandakan satu anjakan baharu dalam usaha memperkukuh kualiti pendidikan tahfiz di negara ini.

Langkah ini membuktikan kesungguhan ITQSHHB untuk terus meningkatkan mutu pengajian agar relevan dengan tuntutan semasa, di samping mengekalkan kemurnian tradisi keilmuan Al-Quran. Peningkatan ini bukan sahaja memperkukuh taraf akademik malah membuka ruang lebih luas kepada para pelajar untuk menonjolkan potensi mereka di peringkat antarabangsa.

### Pencapaian terkini ITQSHHB

Sejak penubuhan program DAQ, ITQSHHB telah berjaya melahirkan seramai 270 orang graduan. Ramai dalam kalangan mereka kini melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara. Manakala sebahagiannya telah kembali menyumbangkan khidmat bakti di institusi ini.

Selain itu, ITQSHHB juga aktif menghantar wakil pelajar ke Musabaqah Al-Quran di peringkat kebangsaan dan antarabangsa termasuk di Mekah, Jordan dan beberapa negara lain. Kejayaan penyertaan tersebut membuktikan bahawa graduan ITQSHHB bukan sahaja mampu bersaing di peringkat tempatan bahkan berdiri teguh di persada global.

Para siswa dan siswi juga terlibat secara aktif dalam pelbagai program dakwah dan kemasyarakatan antaranya Akademi Dakwah yang melatih mereka dengan kemahiran komunikasi dan penyampai dakwah. Hal ini sejajar dengan matlamat melahirkan graduan yang bukan sahaja menghafaz Al-Quran malah menjadi pendakwah berilmu, berakhlak dan berwibawa.

### Harapan, pesanan untuk para graduan

Kejayaan yang digenggam para graduan ini diharap tidak menjadi noktah terakhir dalam perjalanan ilmu mereka. Sebaliknya, ia wajar dijadikan batu loncatan untuk terus melangkah maju dengan penuh keyakinan.

Para graduan diingatkan agar tabah menghadapi cabaran, tidak mudah berputus asa serta sentiasa meletakkan kebergantungan sepenuhnya kepada Allah Subhanahu Wata'ala dalam usaha mencapai kejayaan yang lebih gemilang pada masa akan datang. Ilmu yang diperoleh hendaklah dijaga dan dimanfaatkan demi kebaikan ummah kerana huffaz bukan sahaja dituntut menjaga hafazan tetapi juga memikul amanah besar dalam menyebarkan ajaran Islam.

### Perancangan seterusnya

Seiring dengan arus pembangunan pendidikan, ITQSHHB kekal optimis dalam merealisasikan visinya untuk menjadi pusat kecemerlangan dalam bidang tahfiz. Antara usaha yang sedang giat dilaksanakan termasuklah menjalin kerjasama strategik dengan pelbagai agensi bagi memperkukuh keberkesanan latihan serta meningkatkan tahap kebolehpasaran graduan.

Lebih membanggakan, pada tahun ini juga seramai lima orang graduan menerima biasiswa Kementerian Hal Ehwal Ugama dan seorang graduan menerima biasiswa Sultan's Scholar Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah untuk melanjutkan pengajian ke Ma'had Qiraat Shoubra, Universiti Al-Azhar, Republik Arab Mesir. Pengiktirafan ini sekali lagi mengangkat nama ITQSHHB di persada antarabangsa.

### Penutup

Haflut Takharruj Ke-13 ITQSHHB adalah simbol kejayaan berterusan dalam usaha melahirkan generasi huffaz yang berilmu, beramal dan berbakti kepada agama, bangsa dan negara.

Dengan kejayaan 27 orang graduan tahun ini serta pencapaian institusi yang terus berkembang, ITQSHHB membuktikan bahawa NBD berada di landasan yang kukuh dalam membina masyarakat berasaskan Al-Quran. Seiring dengan itu, harapan besar diletakkan kepada para graduan agar terus menjadi benteng akidah, penyuluh ilmu dan penyampai dakwah yang membawa keberkatan kepada seluruh ummah.



# 2 PERWAKILAN MASTERA BRUNEI DARUSSALAM HADIRI SIDANG KE-29 MASTERA 2025

Siaran Akhbar dan Foto : Dewan Bahasa dan Pustaka

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 8 September. - Dua perwakilan MASTERA Brunei Darussalam bertolak hari ini bagi menghadiri Sidang Ke-29 Majlis Sastera Asia Tenggara (MASTERA) dan Rangkaian Kegiatan MASTERA yang diadakan bermula pada 9 hingga 12 September 2025, di Bangunan Perpustakaan Negara dan Muzium Peranakan, Republik Singapura.

Rombongan berkenaan terdiri daripada dua pakar MASTERA Brunei Darussalam, iaitu Profesor Ampuan Dr. Haji Brahim bin Ampuan Haji Tengah, selaku Pakar Bidang Sastera Kritikan; dan Dr. Maslin bin Haji Jukin/Jukim, selaku Pakar Bidang Sastera Tradisional dari Universiti Brunei Darussalam (UBD)

Sementara itu, Pegawai Bahasa Kanan, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Dr. Haji Mohd. Ali bin Haji Radin, selaku Setiausaha MASTERA Brunei Darussalam akan bertolak pada Selasa, 16 Rabiulawal 1447 Hijrah bersamaan 9 September 2025 Masihi.

Antara program dan projek yang diungkayahkan semasa pelaksanaan Sidang Ke-29 MASTERA 2025 ialah projek pemasyarakatan dan pengiktirafan MASTERA, iaitu Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Asia Tenggara (SAKAT) dan penyampaian Hadiah Terjemahan MASTERA.

Pembentang SAKAT MASTERA Brunei Darussalam ialah Dr. Haji Mohd Ali dan Pensyarah Kesusasteraan Melayu di UBD, Dr. Ena Herni binti Wasli.

Sementara pengumuman penerima Hadiah Terjemahan MASTERA 2025 akan diadakan pada Rabu, 10 September 2025.

Sidang diadakan bagi membahas, membincangkan dan mengesahkan kegiatan/ projek sastera MASTERA Tahun 2025 / 2026 khusus dalam bidang penerbitan, penelitian, penyusunan, penterjemahan, pemasyarakatan dan pengiktirafan; membincangkan dan mengesahkan kertas kerja kerja sama yang dikemukakan oleh Negara Anggota MASTERA; melaporkan kegiatan kesusasteraan yang telah diluluskan oleh Sidang Majlis; melaporkan kegiatan kesusasteraan yang telah, sedang dan akan dilaksanakan oleh Sidang Majlis; dan mengesahkan beberapa projek atau perkara hasil kesepakatan yang diadakan semasa Mesyuarat Sekretariat MASTERA 2025.

Sidang Ke-29 MASTERA 2025 juga dihadiri oleh perwakilan dari Negara Anggota MASTERA, iaitu Negara Brunei Darussalam, Malaysia dan Republik Singapura. Manakala Republik Indonesia turut serta melalui aplikasi Zoom.



**DUA perwakilan MASTERA Brunei Darussalam bertolak bagi menghadiri Sidang Ke-29 Majlis Sastera Asia Tenggara (MASTERA) dan Rangkaian Kegiatan MASTERA yang diadakan bermula pada 9 hingga 12 September 2025.**

# Mempromosi keselamatan, keterangkuman melalui inovasi

Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah





**MAJLIS Pengagihan Gelang SafeLink diadakan di Cawangan Persatuan SMARTER Edge, Kampung Mata-Mata (kiri), manakala gambar bawah kiri, Gelang SafeLink menggunakan kaedah Kod QR yang dipaut kepada orang yang boleh dihubungi semasa waktu kecemasan.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 8 September - Sebagai sebahagian daripada projek rintis awam, SafeLink *bracelet* atau gelang SafeLink dibangunkan dengan tujuan sebagai mekanisme keselamatan untuk individu autisme terutama ketika berada ditempat awam.

Gelang SafeLink menggunakan kaedah Kod QR yang dipaut kepada orang yang boleh dihubungi semasa waktu kecemasan.

Projek rintis berkenaan diungkayahkan oleh Kumpulan Together 4 Autism (T4A), yang terdiri daripada pegawai Perkhidmatan Awam yang pada masa ini menyertai Program Pembangunan Eksekutif bagi Pegawai-pegawai Pengurusan Pertengahan (EDPMMO) Ke-36.

Seramai 30 sukarelawan telah menyertai projek rintis berkenaan.

Sehubungan ini, satu Majlis Pengagihan Gelang SafeLink telah diadakan di Cawangan Persatuan SMARTER Edge, Kampung Mata-Mata, pagi tadi.

Selain itu, majlis juga diadakan sempena Ulang Tahun Persatuan SMARTER Brunei Ke-24 yang disambut pada 9 September 2025.

Ketua Pasukan T4A, Dayang Jormasita binti Jormasi dalam ucapan alu-aluannya menekankan komitmen kumpulan mereka dalam mempromosi keselamatan dan keterangkuman melalui inovasi yang digerakkan oleh komuniti.

Sementara, Presiden Persatuan SMARTER Brunei, Pengiran Zamri bin Pengiran Haji Bujang dalam ucapan balas pula menzahirkan penghargaan atas usaha dan kolaborasi melalui inovatif yang dijalankan.

Majlis diteruskan dengan pengagihan gelang SafeLink kepada para penerima dan kemudian diikuti dengan sesi taklimat mengenai objektif dan fungsi projek rintis yang dijalankan.

Majlis dihadiri oleh para penerima, ibu bapa kanak-kanak dan para penaja, iaitu Imagine Sdn. Bhd., Hua Ho Agricultural Farm, Brunei Fertilizer Industries dan Ideal Food Industries Sdn. Bhd.

Turut hadir ialah jemputan khas yang terdiri daripada wakil dari Pusat Perkembangan Kanak - kanak (CDC) di bawah Kementerian Kesihatan; Pasukan Polis Diraja Brunei serta Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Penyampaian sijil penghargaan turut diberikan kepada para penaja dan SMARTER Brunei sebagai pengiktirafan terhadap sokongan serta kerjasama mereka.

Projek SafeLink merupakan yang pertama seumpamanya di negara ini dan sebelum ini telah dilancarkan semasa Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-20, Tahun 2025 dan terus mendapat sokongan sebagai satu penyelesaian praktikal bagi keselamatan individu autisme.



# SMB MERIAHKAN SAMBUTAN MAULIDUR RASUL






**PEGAWAI Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Awang Mohammad Nasyith bin Superi menyampaikan ceramah sempena Majlis Sambutan Maulidur Rasul (atas), manakala gambar kiri, antara pelajar yang hadir mendengarkan ceramah.**

**Oleh : Aimi Sani**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**BERAKAS**, Isnin, 8 September. - Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam merupakan satu peristiwa yang sangat besar dan bermakna dalam kalangan umat Islam untuk memperingati kelahiran Junjungan Besar, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam, utusan Allah yang membawa rahmat, petunjuk dan cahaya iman kepada seluruh umat manusia.

Sehubungan itu, Sekolah Menengah Berakas (SMB) pagi tadi mengadakan Majlis Sambutan Maulidur Rasul 1447 Hijrah / 2025 Masihi bertempat di Dewan Anggerek, sekolah berkenaan.

Sambutan Majlis Maulidur Rasul berkenaan dikendalikan oleh Jabatan Humanities, SMB.

Hadir menyampaikan ceramah sempena Majlis Sambutan Maulidur Rasul, Pegawai Ugama, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Awang Mohammad Nasyith bin Superi.

Terdahulu, sebelum acara dimulakan, bacaan Sayyidul Istighfar dan Selawat Tafrijiyyah yang diketuai oleh Awang Haji Nur Hamdiddy bin Haji Ajis, diikuti dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh Ketua Majlis Pelajar 2025, Awang Md. Niyaz Ammar Haziq bin Norazmi.

Setelah itu, majlis diteruskan dengan ceramah Maulidur Rasul yang disampaikan oleh Awang Mohammad Nasyith.

Hadir sama ialah guru-guru dan para pelajar Tahun 7, Tahun 8, Tahun 9 dan Tahun 10.

# Memperbanyakkan selawat manifestasi cinta kepada Rasulullah





**ROMBONGAN Dikir Bersama Mualaf sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang diadakan di Mushalla Al-Ameen, Pusat Da'wah Islamiah (PDI) (atas dan kiri).**

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**BERAKAS**, Isnin, 8 September. - Dalam usaha memperkukuh penghayatan beragama dan menzahirkan rasa cinta terhadap Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Bahagian Pembangunan Mualaf (Pengupayaan Mualaf) menganjurkan Rombongan Dikir Bersama Mualaf sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang diadakan di Mushalla Al-Ameen, PDI, di sini.

Majlis Dikir Rombongan PDI ini merupakan sebahagian daripada aktiviti tahunan Bahagian Pembangunan Mualaf yang bertujuan untuk membimbing para mualaf dalam memperkukuh amalan keagamaan serta memperbanyakkan selawat sebagai manifestasi cinta kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Hadir selaku ketua rombongan ialah Penguasa Dakwah dan Tabligh, PDI, Pengiran Norhayati binti Pengiran Haji Kasharan.

Turut hadir, pegawai dan kakitangan daripada Bahagian Penyebaran Da'wah dan Bahagian Penapisan dan Pameran, PDI serta para ahli Persatuan Nurul Islam.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, diikuti dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Penolong Pegawai Ugama, PDI, Pengiran Haji Reduan bin Pengiran Haji Badaruddin.

Acara diteruskan dengan tazkirah bertajuk 'Hikmah dan Keutamaan yang Boleh Kita Ambil dari Rasa Cinta Kita Terhadap Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam' yang disampaikan oleh Guru Ugama Terlatih, PDI, Dayang Siti Noraini binti Haji Mohd. Hashim.

Inti pati tazkirah antara lain menerangkan bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam merupakan teladan yang terbaik bagi umatnya.

Mencintai Baginda bukan sahaja mendorong kita untuk mengamalkan perkara yang disukai Baginda, bahkan juga menjadi jalan untuk sentiasa bersama Baginda.

Cinta yang tulus kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam akan membawa kepada manisnya iman serta kesempurnaan dalam beriman.

Majlis turut diserikan dengan Dikir Syarafil Anam, disusuli dengan bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Majlis diakhiri dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.



**TAZKIRAH disampaikan oleh Guru Ugama Terlatih, PDI, Dayang Siti Noraini binti Haji Mohd. Hashim.**

# ROBOT PINTAR MEMASUKI RUMAH-RUMAH BIASA DI CHINA



**SEORANG kakitangan memperkenalkan robot penjagaan warga emas semasa Ekspo Industri Pintar Dunia 2025 di Chongqing, barat daya China, pada 5 September 2025.**

**CHONGQING**, 9 Sept. - Semasa Ekspo Industri Pintar Dunia 2025 di Perbandaran Chongqing barat daya China, ramai pengunjung berkumpul di gerai Agile Robots untuk menyaksikan lengan robot bergerak tepat di atas pinggang peserta.

Menggunakan penderia untuk mengesan ketegangan otot dan menggunakan jumlah tekanan yang ideal untuk urutan, lengan robot itu melakar seruan kehairanan, "Tekniknya lebih baik daripada tukang urut veteran!".

Robot penjagaan kesihatan yang dibangunkan oleh Agile Robots yang berpangkalan di Beijing, dinamakan "Dabai", dilengkapi dengan penderia sentuhan dan algoritma AI, dan boleh menyediakan pengguna dengan perkhidmatan urutan profesional.

Dengan tumpuan kepada "AI+" dan "Kenderaan Tenaga Baharu Bersambung Pintar" tahun ini, ekspo empat hari dari 5 hingga 8 September telah mengumpulkan lebih 600 perniagaan domestik dan antarabangsa, yang mempamerkan lebih 3,000 inovasi dalam industri pintar. Satu sorotan khusus di kawasan pameran ialah pelbagai produk robot pintar yang menyasarkan isi rumah Cina biasa.

"Industri perkhidmatan fisioterapi bergantung pada kemahiran ahli terapi dan menghadapi cabaran seperti tempoh latihan yang panjang dan pusing ganti kakitangan yang tinggi," kata Zhang Mingfeng, penyelia elektrik di Agile Robots. "Kunci untuk menangani kesesakan industri adalah untuk menyeragamkan produk dan perkhidmatan".

Zhang menambah bahawa "Dabai" boleh mengenal pasti meridian dan *acupoint* individu. "Berdasarkan data besar dan algoritma AI, robot itu menyediakan terapi fizikal automatik dengan penyasaran *acupoint* dan kawalan daya yang tepat -- sama seperti ahli fisioterapi profesional," katanya.

Daripada robot *humanoid* yang boleh menyanyi dan menari kepada mesin pembersih lantai dan haiwan peliharaan elektronik, pelbagai peranti canggih kini memasuki isi rumah setiap hari. Produk ini, yang dahulunya terhad kepada kilang dan makmal, kini membantu meningkatkan kehidupan seharian orang ramai.

"Robot bukanlah mesin sejuk dalam cangkerang keluli. Kami berhasrat untuk membuat teknologi untuk membantu," kata Xi E'e, ketua operasi jenama taman inovasi perindustrian di Chongqing.

Pada pameran itu, dia mempersembahkan beberapa produk inovatif, termasuk pembaca Braille yang membantu dengan bacaan Braille, lampu tidur pintar dengan pemantauan kesihatan tanpa sentuhan, robot pemotong rumput modular dan kenderaan perkhemahan elektrik yang berfungsi sebagai stesen pengecasan mudah alih.

"Produk inovatif ini meliputi senario seperti penggunaan isi rumah, penjagaan kesihatan dan aktiviti luar, kerana robot pintar memenuhi permintaan pengguna yang mempelbagaikan," tambah Xi.

Inovasi ini disokong oleh pertumbuhan kukuh industri robot pintar China. Menurut data dari Persidangan Robot Dunia 2025, China kekal sebagai pasaran robot industri terbesar di dunia selama 12 tahun berturut-turut. Sementara itu, pengeluaran robot perkhidmatan melebihi 10.5 juta unit pada 2024, menandakan peningkatan tahun ke tahun sebanyak 34.3 peratus.

Menurut laporan Morgan Stanley, pasaran robotik China diunjurkan berkembang daripada 47 bilion dolar AS pada 2024 kepada 108 bilion dolar AS menjelang 2028, dengan robot perkhidmatan mencapai kadar pertumbuhan tahunan kompaun sebanyak 25 peratus.

Di dalam dewan pameran, gelak tawa kanak-kanak berdiri sebagai bukti paling jelas tentang bagaimana teknologi boleh mengubah kehidupan. "Anak perempuan saya sangat berminat dengan robot haiwan peliharaan desktop ini, dan kami merancang untuk mendapatkannya untuknya," kata Li Qing, yang melawat ekspo itu bersama anak perempuannya yang berusia enam tahun.

Produk ini ialah robot comel seperti anak kucing yang boleh terlibat dalam perbualan dan memaparkan pelbagai ekspresi. Ia berfungsi sebagai pembantu pembelajaran dan teman yang menggembirakan.

Industri robotik China sedang mempercepatkan pembangunannya ke arah pengeluaran berskala besar dan pengurangan kos sambil mewujudkan rantaian bekalan lengkap daripada reka bentuk hingga pemasangan.

"Produk tahap 1,000 yuan (kira-kira 141 dolar AS) ini mengurangkan ambang untuk isi rumah memiliki robot pintar, menjadikan teknologi lebih mudah diakses," jelas seorang kakitangan di tapak. - ©XINHUA

## Mesir lantik 48 wanita sebagai hakim State Council buat julung kali

**KAHERAH**, 8 Sept. - Mesir melantik 48 wanita sebagai hakim State Council buat julung kali melalui laluan pencapaian kemasukan, langkah yang menzahirkan usaha negara itu untuk memajukan pemerkasaan wanita dan melaksanakan pembaharuan kehakiman, lapor Xinhua.

Langkah itu menyokong pembangunan menyeluruh sistem kehakiman Mesir di tengah-tengah transformasi digital dan pemodenan institusi yang berterusan, menurut kenyataan State Council pada Ahad.

"Langkah bersejarah hari ini mencerminkan komitmen negara untuk memperkasakan wanita dan menggalakkan penyertaan mereka dalam badan kehakiman," kata Pengerusi State Council Mesir Osama Shalaby dalam kenyataan itu.

Pelantikan mereka menandakan satu lagi langkah penting bagi memperkukuh peranan wanita dalam sektor kehakiman selepas Mac 2022, apabila 98 wanita mengangkat sumpah sebagai hakim State Council buat kali pertama dalam sejarah Mesir melalui pemindahan dari badan kehakiman lain.

Seorang daripada hakim yang baru dilantik, Samar Alaa, lulusan Universiti Iskandariah berkata: "Ini adalah satu penghormatan dan tanggungjawab besar untuk mentadbir keadilan secara adil serta menjadi teladan wanita dalam bidang kehakiman."

State Council Mesir ialah sebuah badan kehakiman bebas yang ditubuhkan pada 1946 yang mempunyai bidang kuasa ke atas pertikaian pentadbiran, kes tatatertib, rayuan dan cabaran terhadap keputusannya sendiri.

Ia juga berperanan mengeluarkan pendapat undang-undang, menyemak serta merangka undang-undang dan resolusi, selain meneliti draf kontrak yang melibatkan kerajaan atau entiti awam. - ©BERNAMA

## Risiko kebuluran merebak ke bahagian tengah Gaza - UNICEF

**GAZA**, 8 Sept. - Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) memberi amaran bahawa risiko kebuluran di Bandar Gaza semakin meningkat dan dijangka merebak ke bahagian tengah wilayah itu dalam beberapa minggu akan datang sekiranya tiada tindakan segera diambil, lapor Agensi Berita Qatar (QNA).

Badan itu menegaskan situasi di Gaza kini menjadi "malapetaka" apabila keluarga semakin tidak berupaya menyediakan makanan untuk anak-anak mereka.

Jurucakap UNICEF, Tess Ingram berkata ancaman kebuluran di Bandar Gaza adalah nyata, khususnya di kawasan timur dan utara, ketika penduduk terus hidup dalam keadaan terdedah kepada ancaman pengeboman Israel yang semakin intensif.

Menurutnya, ramai penduduk Bandar Gaza mempertimbangkan untuk berpindah ke selatan walaupun sedar keadaan di sana tidak jauh berbeza - dengan kekurangan bekalan makanan dan air bersih yang kritikal selain pengeboman berterusan.

Beliau turut menegaskan bahawa "tiada tempat selamat di Gaza".

Beliau juga berkata bahawa petugas kesihatan, kakitangan kemanusiaan dan wartawan telah memberi amaran mengenai kebuluran di Gaza sejak beberapa bulan lalu, namun tiada yang berubah.

Ingram juga menyatakan bahawa klinik yang disokong UNICEF kini sesak dengan keluarga yang menunggu anak-anak mereka diperiksa akibat masalah kekurangan zat makanan yang meluas.

Terdahulu pada Ahad, Kementerian Kesihatan Palestin di Gaza melaporkan jumlah kematian akibat tindakan Israel menyekat makanan secara sistematik meningkat kepada 387 orang, termasuk 138 kanak-kanak. - ©BERNAMA

## Persekutuan Rusia hantar bantuan tambahan ke Afghanistan dilanda gempa

**MOSCOW**, 8 Sept. - Persekutuan Rusia menghantar pakej kedua bantuan kemanusiaan ke Afghanistan, menurut Kementerian Kecemasan Persekutuan Rusia di saluran Telegram, lapor Agensi Berita PersekutuanRusia (TASS).

"Sebuah pesawat Il-76 yang membawa lebih 20 tan khemah dan selimut untuk penduduk terjejas gempa bumi telah berlepas dari Lapangan Terbang Zhukovsky," menurut kenyataan itu.

Bantuan itu dihantar atas arahan Presiden Persekutuan Rusia Vladimir Putin dan Kerajaan Persekutuan Rusia.

Pada 31 Ogos lalu, gempa bumi berukuran 6.2 pada skala Richter direkodkan di pergunungan Hindu Kush, kira-kira 27 kilometer barat daya bandar Asadabad di timur Afghanistan.

Menurut data terkini, jumlah korban kini melebihi 2,200 orang, manakala kira-kira 3,600 lagi cedera.

Pada 2 September, satu lagi gempa bumi berukuran 5.5 pada skala Richter melanda pergunungan Hindu Kush.

Bantuan kemanusiaan pertama seberat 20 tan dari Persekutuan Rusia tiba di Afghanistan pada 5 September. - ©BERNAMA

## Taufan Tapah landa pantai wilayah selatan China

**GUANGZHOU (China)**, 8 Sept. - Tapah, taufan ke-16 tahun ini melanda wilayah Guangdong di selatan China kira-kira 8.50 pagi waktu tempatan Isnin, lapor Xinhua memetik balai pemerhatian meteorologi wilayah itu.

Taufan itu dengan kelajuan maksimum mencecah 30 meter sesaat membadai pantai di Bandar Jiangmen, Guangdong.

Pihak berkuasa meteorologi meramalkan Tapah akan terus bergerak ke arah barat laut pada kelajuan kira-kira 20 kilometer sejam. - ©BERNAMA

PELITA BRUNEI
SUKAN

ePaper Pelita Brunei

# JPM, KHEDN AKAN BERENTAP PADA PERLAWANAN AKHIR PIALA KEPUTERAAN 2025



ANTARA aksi para pemain pada Perlawanan Separuh Akhir Kejohanan Bola Sepak Kementerian-kementerian bagi merebut Piala Keputeraan 2025.

**Siaran Akhbar dan Foto : Ahli Jawatankuasa Kejohanan Bola Sepak Piala Keputeraan 2025**

**BERAKAS**, Selasa, 9 September. - Pasukan Bola Sepak Jabatan Perdana Menteri (JPM) akan bertemu dengan Pasukan Bola Sepak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) pada Perlawanan Akhir Kejohanan Bola Sepak Kementerian-kementerian bagi merebut Piala Keputeraan 2025 pada Sabtu ini.

JPM melangkah ke peringkat akhir selepas berjaya menundukkan Pasukan Bola Sepak Kementerian Pertahanan (MINDEF) dengan 7 - 1 dan KHEDN pula mudah menewaskan Pasukan Bola Sepak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dengan jaringan 9 - 0 pada perlawanan separuh akhir.

JPM membuka tirai jaringan menerusi Nur Yamin Haji Muhammad pada minit ke-4 sebelum Abdul Azim Abdul Rashid menambah kelebihan jaringan pada minit ke-7 dan memanfaatkan umpanan rakan untuk mencipta jaringan pada minit ke-12.

Pada babak kedua, penyokong JPM kembali bergembira selepas menyaksikan sentuhan hatrik Abdul Azim pada minit ke-48.

MINDEF yang berusaha bersungguh - sungguh mengimbangi perlawanan dan penyerang pantas, Abdul Azizi Ali Rahman berjaya memecah benteng pertahanan JPM pada minit ke-74.

Namun, JPM terus garang dengan serangan-serangan pantas yang gagal dibendung oleh pertahanan MINDEF sekali gus menyaksikan gawang mereka terus digegarkan.

Jaringan Aidil Eswandy Akit pada minit ke-79, Sharifa Tamimi pada minit ke-81 dan Muhammad Safwan Haji Mohd. Safari menerusi jaringan pada minit ke-85 mengesahkan kemenangan bergaya 7 - 1 JPM untuk mara ke peringkat akhir.

Sementara itu, perlawanan separuh akhir di Padang dan Belapan, Berakas turut menyaksikan pesta jaringan KHEDN membelasah KKBS dengan jaringan 9 – 0.

Sentuhan jaringan terpantas kejohanan menerusi Muhd. Maududi Kasmi seawal minit pertama membuka tirai jaringan KHEDN.

KKBS yang bangkit untuk menyamakan kedudukan bagaimanapun hampa apabila menyaksikan gawang mereka kembali bergegar menerusi sepakan Mohd. Asnawi Syazni Abdul Aziz pada minit ke-37.

Pemain KHEDN, Mohd. Asnwa Syazni menjarakkan jurang jaringan ketika babak kedua apabila pasukan tersebut berjaya menjaringkan gol seawal minit ke-2 dan kesilapan Mohd. Azri Zhafri Zeini yang tertolak bola ke gawang sendiri pada minit ke-51 mula melesukan KKBS.

Kombinasi menarik dengan hantaran - hantaran tepat memberi kelebihan KHEDN menguasai banyak sudut untuk mencipta jaringan bertalu.

Mohd. Asnawi Syazni sempat mencipta jaringan hatrik pada minit ke-60 dan Muhd. Hafis Haji Mahari menambah kesengsaraan pasukan lawan dengan jaringan pada minit ke-74.

Dua jaringan terakhir buat KHEDN disumbangkan menerusi pemain gentian, Md. Faiz Farhan Kamat pada minit ke-80 dan ke-89 untuk melengkapkan kemenangan besar 9 - 0 sekali gus menempah slot ke peringkat akhir perlawanan.

# PLBMB anjur Kejohanan Bola Tampar




SESI bergambar ramai pada Kejohanan Bola Tampar bersempena dengan Irau Tupeh Padey 2025 Ke-2 berlangsung di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

**Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Lun Bawang Murut Brunei**

**BERAKAS**, Isnin, 8 September. - Persatuan Lun Bawang Murut Brunei (PLBMB) telah mengadakan Kejohanan Bola Tampar bersempena dengan Irau Tupeh Padey 2025 Ke-2 berlangsung di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, baru-baru ini.

Hadir pada kejohanan tersebut dan seterusnya menyampaikan hadiah ialah Yang Dipertua Persatuan, Leftenan Kolonel (B) Tamin bin Tuah.

Kejohanan Bola Tampar ini telah mempertandingkan sebanyak tiga kategori iaitu Kategori Lelaki Veteran 45 Tahun ke atas dan Kategori Lelaki Terbuka serta Kategori Wanita Terbuka.

Dalam Kategori Lelaki Veteran 45 Tahun ke atas, Zon 5 dinobatkan sebagai juara, manakala Zon 3 meraih naib juara dan Zon 2 tempat ketiga.

Bagi Kategori Lelaki Terbuka pula, Zon 5A muncul juara kejohanan tersebut. Naib juara pula dimenangi oleh Zon 2A, manakala tempat ketiga diraih oleh Zon 1C.

Seterusnya, bagi Kategori Wanita Terbuka, Zon 1A telah meraih tempat pertama, sementara naib juara disandang oleh Zon 2A dan Zon 5 memenangi tempat ketiga.

Seramai 220 peserta telah mengikuti kejohanan ini. Hadiah penghargaan diberikan kepada pemain paling senior iaitu Ongsang bin Berauk (69 tahun) dan pemain paling muda iaitu Adam bin Yakub (13 tahun) di mana kedua-duanya dari Zon 2.

Adapun tujuan diadakan kejohanan ini adalah untuk mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan ahli-ahli persatuan dan belia-belia melalui sukan bola tampar sesuai dengan slogan persatuan iaitu 'Selawa, Peita, Seruyud, Seterawe, Seniat'.

Selain itu, kejohanan ini adalah sebagai dorongan kepada semua ahli persatuan dan belia-belia puak Murut untuk bergiat aktif dalam bidang sukan bola tampar.

Ia juga untuk memberi peluang dan memupuk semangat kepada belia-belia untuk menunjukkan bakat masing-masing dan memberikan pendedahan awal kepada pemain-pemain muda (belia) dalam suasana pertandingan.